Gan Yook Chin dan satu lagi lwn Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — GUAMAN SIVIL NO 22–58 TAHUN 1997
ABDUL HAMID SAID H
5 FEBRUARI 2001

Pewarisan *— Probet — Kesahan wasiat — Sama ada tandatangan dalam wasiat adalah tandatangan si mati — Sama ada si mati seorang yang waras semasa membuat wasiat — Sama ada terdapat keadaan-keadaan yang menimbulkan rasa syak mahkamah*

Gan Puay Chee @ Gan Huan Uan ('si mati') mempunyai lima orang anak iaitu tiga orang anak perempuan (plaintif-plaintif dalam kes ini dan seorang lagi yang diberikan sebagai anak angkat) dan dua orang anak lelaki ('D2' dan 'D3') dan seorang anak angkat sah ('D4'). Si mati telah meninggal dunia pada 1 Mei 1997. Si mati dikatakan telah meninggalkan satu wasiat yang ditandatanganinya pada 16 April 1997. Wasiat tersebut disediakan oleh seorang peguam (DW2) yang diperkenalkan kepada si mati oleh D1. D1 telah berkenalan dengan si mati selama 10 tahun. D1 lebih rapat dengan D2 daripada si mati. D1 mengatakan bahawa beliau cuma kawan dengan si mati. Si mati dikatakan meminta D1 menjadi wasi dan pemegang amanah tunggal. Plaintif-plaintif telah mencabar ketulinan wasiat si mati. Isu-isu yang ditimbulkan ialah: (i) sama ada tandatangan pada wasiat tersebut adalah tandatangan si mati; (ii) sama ada si mati berfikiran sempurna pada masa membuat wasiat tersebut mengambilkira keadaan kesihatannya pada ketika itu. Doktor yang merawat si mati (DW1) mengatakan bahawa si mati oleh kerana penyakit barahnya mempunyai 'ups and downs – alternate between a period of rational and irrational thinking'; (iii) terdapatnya perkara-perkara yang membangkitkan rasa syak; dan (iv) aset si mati (dalam bentuk saham) yang dikatakan hadiah si mati kepada D2, D3 dan D4.

Diputuskan:

(1) Berdasarkan keterangan pakar tulis tangan (PW4 dan PW6), mahkamah memutuskan bahawa tandatangan di dalam wasiat tersebut bukanlah tandatangan si mati. Kegagalan defendan-defendan membawa saksi-saksi pakar mereka yang dapat memberikan pendapat yang bertentangan membawa padah kepada kes defendan-defendan. Setelah mengkaji keterangan semua saksi, kesempurnaan fikiran si mati dan wataknya dan juga keterangan pakar-pakar tulis tangan, mahkamah memutuskan tanpa keraguan munasabah bahawa wasiat tersebut adalah satu pemalsuan (lihat ms 91D–F).

(2) Tiada doktor hadir pada 16 April 1997 untuk memperakui bahawa si mati mempunyai pemikiran sempurna untuk membuat

wasiat. Kalaulah diterima bahawa si mati 'mentally alert' maka mahkamah percaya si mati tidak akan melantik D1 sebagai wasi dan pemegang amanah tunggal apabila diingati tentang nasihatnya kepada plaintif pertama supaya sentiasa mengadakan dua orang wasi dan pemegang amanah. Mahkamah mendapati bahawa si mati tidak berfikiran sempurna pada masa membuat wasiat tersebut. Oleh itu wasiat tersebut adalah tidak sah (lihat ms 96C, E–F).

(3) Banyak perkara yang membangkitkan rasa syak mahkamah. Setelah mengambilkira perwatakan si mati dan keterangan saksi-saksi, mahkamah memutuskan bahawa apa yang dikatakan wasiat si mati adalah tidak sah (lihat ms 96I, 102B).

(4) Berkenaan dengan saham yang dikatakan hadiah daripada si mati kepada D2, D3 dan D4, mahkamah mendapati bahawa tidak ada penyampaian sijil-sijil saham tersebut kepada D2, D3 dan D4. Sijil-sijil berkenaan didapati bersama aset-aset lain si mati. Bungkusan yang dikatakan sijil-sijil dibungkus pun tiada. Malahan nama penerima tidak ditulis di sijil pindah milik. Dengan demikian mahkamah memutuskan bahawa saham-saham tersebut adalah harta pusaka si mati dan perlu dibahagi kepada anak-anak sah si mati (lihat ms 102D, 103F, 104B).

[**English summary**

Gan Puay Chee @ Gan Huan Uan ('the deceased') had five children, ie three daughters (the plaintiffs in this case and one other who was adopted) and two sons (D2 and D3) and another legally adopted child (D4). The deceased died on 1 May 1997. The deceased was alleged to have left a will that he signed on 16 April 1997. A lawyer (DW2), who was introduced to the deceased by D1, prepared the will. D1 had known the deceased for 10 years. D1 was better acquainted with D2 than the deceased. D1 alleged that he was merely a friend of the deceased. The deceased was alleged to have requested D1 to act as sole executor and trustee. The plaintiffs challenged the authenticity of the deceased's will. The issues raised were: (i) whether the signature in the will was that of the deceased; (ii) whether the deceased was of sound mind at the time of drawing up the will taking into account the state of his health at that point in time. The doctor who attended to the deceased (DW1) had testified that due to his cancer illness, the deceased had 'ups and downs – alternate between a period of rational and irrational thinking'; (iii) there were circumstances that raised suspicion; and (iv) the deceased's assets (in the form of shares) that were alleged to be a gift to D2, D3 and D4.

Held:

(1) Based on the evidence of the experts in handwriting (PW4 and PW6), the court held that the signature in the will was not that of

the deceased. The defendants' failure to produce their witnesses who could provide opinions to the contrary was fatal to their case. Having examined the evidence of all witnesses, the deceased's soundness of mind and character as well as the testimony of the handwriting experts, the court held beyond reasonable doubt that the will was a forgery (see p 91D–F).

(2) There was no doctor present on 16 April 1997 to certify that the deceased was of sound mind to make the will. If it was to be accepted the deceased was 'mentally alert', then the court believed the deceased had not appointed D1 as the sole executor and trustee when reminded of his advice to the first plaintiff to always have two executors and trustees. The court found that the deceased was of unsound mind at the time of making the will. Therefore, the will was invalid (see p 96C, E–F).

(3) There were several matters that aroused the court's suspicion. Having considered the deceased's character and the evidence of witnesses, the court held that what was alleged to be the deceased's will was invalid (see pp 96I, 102B).

(4) With regard to the shares alleged to be a gift from the deceased to D2, D3 and D4, the court found that there was no presentation of the shares to D2, D3 and D4. The certificates concerned were discovered together with the deceased's other assets. The package alleged to contain the certificates was nowhere to be found. Indeed the recipient's name was not indicated on the certificate of transfer. Therefore, the court decided that those shares were the property of the deceased and must be divided among the deceased's legitimate children (see pp 102D, 103F, 104B).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai probat secara am, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan-perenggan 1971–2022.

Kes-kes yang dirujuk

Banks v Goodfellow 22 LT 813 (dirujuk)
Barry v Butlin 2 Moo PCC 480 (dirujuk)
Battan Singh & Ors v Amirchand & Ors [1948] AC 161 (dirujuk)
Boonsom Boonyanit @ Sunyok Eng v Adorna Properties Sdn Bhd [1997] 2 MLJ 62 (dirujuk)
Brajeshwari Dasi v Rasik Chandra AIR 1925 Calcutta 739 (dirujuk)
Brown v Skirrow [1902] P 3 (dirujuk)
Chase National Executors And Trustees Corporation v Fry [1946] Ch 312 (dirujuk)
Cope v Veene [1968] 118 CLR 1 (dirujuk)
Indu Bala v Marindra Chandra Bose AIR 1982 SC 133 (dirujuk)
James Cosnahan v Eleanor Grice (1862) ER 15,476 (dirujuk)
Karthiyayani & Anor v Lee Liong Sin & Anor [1975] 1 MLJ 119 (dirujuk)

Marshal v Crutwell (1875) Equity Cases LR Vol XX (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492 (dirujuk)
Padma Priya Debya v Dharma Das Vol 10 IC 965 (dirujuk)
PP v Mohamed Kassim bin Yatim [1977] 1 MLJ 64 (dirujuk)
Queen, The v Silverlock (1894) 2 QB 766 (dirujuk)
R Mahendran & Anor v R Arumuganathan [1999] 3 SLR 579 (dirujuk)
Sefton v Hopwood (1858) I F&F 578 (dirujuk)
Shanmuganathan, Dr (suing through his lawful Attorney Dr A Puraviappan) v Periasamy s/o Sithambaram Pillai [1997] 3 AMR 3012 (dirujuk)
Syed Abu Bakar bin Ahmad v PP [1984] 2 MLJ 19 (dirujuk)
Syed Hassan bin Abdullah Aljofri (deceased) [1953] MLJ 190 (dirujuk)
Tyrrell v Painton & Anor (1894) CA 151 (dirujuk)
Udham Singh v Inder Kaur [1971] 2 MLJ 263 (dirujuk)
Venkatachalayengar v BN Thimmajamma AIR 1959 SC 443 (dirujuk)
Vere-Wardale, Re (deceased) [1949] 2 All ER 250 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 103, 106, 114(g)
Akta Wasiat 1959 ss 3, 5(1), (2)
Wills Act 1937 [Eng] s 9

Cyrus Das (*Nantha Balan* dan *Trevor George* bersama beliau) (*Shook Lin & Bok*) bagi pihak plaintif-plaintif.
Yap Koon Roy (*Yap Koon Roy & Assoc*) bagi pihak defendan pertama.
Robert Lazar (*Yap Thong Mei* bersama beliau) (*Shearn Delamore & Co*) bagi pihak defendan kedua.
Arunachalam (*Sault & Co*) bagi pihak defendan ketiga.
Maniam Raju (*Gunaretnam & Co*) bagi pihak defendan keempat.
Anthony Chua (*HS Lee*) bagi pihak defendan kelima.

Abdul Hamid Said H. : Gan Puay Chee @ Gan Chuan Lian ('si mati') dilahirkan di China dalam tahun 1915. Beliau berasal dari suatu daerah Hokkien Eng Choon, di China. Semasa berusia sembilan tahun, beliau datang ke Malaysia dan tidak pernah balik ke negara itu. Semasa hayatnya beliau tinggal di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Melaka, mula-mula di No 130 dan kemudian di rumah No 82 jalan yang sama ('No 82').

Hasil daripada perkahwinannya, beliau mempunyai lima orang anak, iaitu tiga orang anak perempuan (plaintif-plaintif dalam kes ini dan seorang lagi yang diberikan sebagai anak angkat), dan dua orang anak lelaki (defendan kedua dan ketiga) dan seorang anak angkat sah (defendan keempat).

Di Melaka, beliau amat berjaya di dalam perniagaan getah, membekal keperluan ladang-ladang seperti baja, dan beliau juga mempunyai ladang-ladang getah dan kelapa sawit, memiliki hartanah dan membeli saham-saham yang didaftar di Malaysia, Singapura dan England. Selain dari ini, beliau juga memiliki atau menjadi pemegang saham utama di dalam

beberapa buah syarikat. Pada akhir hayatnya, si mati meninggalkan harta alih dan yang tak alih bernilai berjuta Ringgit Malaysia (tetapi jumlah sebenar dipertikaikan). A

Semenjak tahun 1977, si mati menghidapi penyakit-penyakit berikut:

1977	–	Kencing manis (diabetes) dan 'hypertension'.
1992	–	Mendapat angin ahmar (stroke) yang melibatkan 'brain stem'.
1993	–	Jatuh di luar rumahnya mengakibatkan tulang pinggang kanannya patah (fracture of his right hip). Beliau dipasang pin dan plate di pinggang. Lepas ini beliau terpaksa menggunakan kerusi roda.
11 Februari 1997	–	Doktor mendapati barah di kerongkong si mati (cancer of the oesophagus (gullet)). Tumor ini dikatakan 'succulent and fleshy'.
6 Mac 1997	–	'Wire mesh stendt' telah dipasang di hospital di Singapura untuk memudahkan beliau menelan.
11 Mac 1997	–	Gastroscopy telah dijalankan ke atas si mati.
14 Mac 1997	–	Satu lagi gastroscopy dijalankan ke atasnya.
1 April 1997	–	Doktor memasang Rylestube untuk membantu beliau makan. (Gastroscopy dan memasang tube bermakna 'wire mesh stendt' yang dipasang tidak mencapai tujuannya).
7 April 1997	–	Menghidapi 'high fever with rigours'. Beliau dikatakan 'weak, frail and anaemic'. (Frail means he is pale, weak looking, tired and having loss of weight).
8 April 1997	–	Dimasukkan ke Hospital Ayer Keroh Specialist Centre.
11 April 1997	–	Keluar dari hospital Ayer Keroh.
25 April 1997	–	Dimasukkan ke hospital yang sama.
1 Mei 1997	–	Meninggal dunia di hospital.

B C D E

Doktor si mati ialah Dr Goh Tiong Peng ('DW1'). Rumusannya semasa memberi keterangan di mahkamah bagi pihak defendan ialah: F

> Right up to the time of his death he was able to maintain his mental functions and his clarity of thought. He maintained this to the day of his death.

Dan sewaktu berjumpa beberapa kali dengan si mati di rumah si mati, DW1 memberi keterangan bahawa: G

> … he was mentally alert, oriented, lucid in thought.

Selanjutnya DW1 berkata:

> I did not at any time before his death fail to have a meaningful conversation with the deceased. During the month of April 1997 he did not give any irrational answers to my questions. H

Semasa pemeriksaan balas, DW1 berkata:

> 'mentally alert' refers to his condition after the hip fracture.

DW1 juga mengatakan: I

> … After he was discharged on 11 April 1997, I used to drop in to see him as he was also my friend. It happened once between 11 April 1997 and 25 April

1997. … His condition deteriorated after his return from Singapore. The deterioration was rapid. Blood loss added to his deterioration. The tumour was bleeding. It was a case of chronic blood loss. In a rotate of two weeks, 12 pints of blood were transfused. … At that time there were three factors bearing on his health, ie blood loss, inadequate food and nutrition, and continuous growth of the tumour.

When a person is weak, frail and anaemic, like the deceased, there maybe times when he cannot make rational judgments. When a patient is suffering from diabetes, advance cancer and loss of blood, it is possible that such a patient can suffer from impairment of rational thinking. Such a patient can also lapse into confusion. Medically, the condition of such a patient will be unpredictable. There will be ups and downs. This unpredictability can alternate between a period of rational and irrational thinking. The change can happen within a day.

Between 9 April 1997 and 1 May 1997, if I was told the deceased was hallucinating it would not have surprised me.

… I did not see the deceased on 16 April 1997.

Dari segi perwatakan, DW1 berkata bahawa si mati adalah seorang:

… private, frugal and thrifty person. … not a person to easily trust another …

DW1 seterusnya berkata semasa pemeriksaan balas:

Knowing the deceased as a careful person, it would surprise me if he had asked a person with whom he had no previous dealings to prepare an important document. It would surprise me if he had asked a person with whom he had no previous dealings to draw up a will.

Pendapat saksi-saksi lain tidak berbeza tentang perwatakan atau kelakuannya. Mereka menyatakan bahawa si mati itu adalah seorang yang kedekut (stingy), dan menyimpan rekod perbelanjaannya dengan cermat (kept meticulous records of his expenses). Gelaran yang beliau adalah seorang kedekut tidak digemarinya. Begitu juga jika beliau digelar antik (antique).

Si mati bukan sahaja cermat dengan wangnya, tetapi beliau juga cukup cermat dengan dokumen-dokumennya. Beliau dikatakan 'not likely to lose documents.' Selain dari ini, si mati adalah seorang yang kuat menyimpan rahsia tentang dirinya (secretive man).

Kekayaannya adalah hasil daripada usaha-usaha yang dibenarkan undang-undang kerana si mati tidak suka mendapat kekayaan dari loteri atau lumba kuda haram.

Selain daripada perwatakannya seperti di atas, si mati semasa hayatnya dikatakan seorang pemarah dan mudah marah (hot and quick tempered). Jika beliau marah disebabkan sesuatu perkara besar, maka kemarahan ini akan berlangsung selama satu atau dua hari. Fakta ini dapat dilihat dari kenyataan anak angkatnya, Gan Yan Khern ('D4') dan pekerjanya, Lee Kim Teng ('D5'). Oleh kerana sikapnya, maka beliau marah D4 apabila D4 yang mendapat gaji bulanan RM480 setelah bekerja dengannya selama 15 tahun meminta kenaikan gaji. Wang ringgit adalah perkara besar yang boleh menyebabkan beliau naik marah selama satu atau dua hari.

Walaupun gaji D4 kecil tetapi segala keperluan keluarga D4 ditanggung si mati.

Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng (D1)

D1 seorang pemborong ikan. D1 juga mempunyai hotel, selain daripada terlibat dalam jualbeli hartanah. Si mati membeli ikan untuk keluarganya dari D1.

D1 terlibat dalam pertubuhan-pertubuhan dan menjadi pemegang amanah kepada perusahaan ikan dan kuil-kuil. Dari usaha-usahanya beliau telah dianugerah bintang oleh Kerajaan Negeri Melaka.

D1 telah berkenalan dengan si mati selama sepuluh tahun sebelum beliau meninggal dunia. D1 lebih rapat dengan Gan Kim Toon ('D2'), anak tertua si mati dari si mati. D1 mengatakan bahawa si mati cuma kawan (only friends) dengan si mati.

Selain daripada menceritakan asal-usulnya, si mati tidak banyak menceritakan mengenai hal-hal lain kepada D1.

Si mati telah dimasukkan ke hospital Ayer Keroh Specialist Centre, Melaka, ('hospital') pada 8 April 1997. D1 melawat si mati di sana pada 10 April 1997. Waktunya di antara 8am hingga 9am. Semasa melawatnya, D4 berada bersama si mati. Apabila D1 masuk, si mati suruh anaknya, Gan Yan Khern ('D4') keluar kerana si mati ada sesuatu yang hendak dicakapkan dengan D1.

Si mati dikatakan meminta D1 mencari peguam yang jujur. Si mati kemudiannya memberi D1 salinan fotostat kad pengenalannya. D1 kemudiannya meninggalkan hospital dan terus pergi berjumpa peguam Teoh Ming ('DW2'). DW2 adalah peguam biasa D1. Setelah berbincang dengan DW2, mereka bersetuju berjumpa si mati di rumah No 82 pada 16 April 1997. D1 kemudian 'two or three days later', (mungkin ini dikira dari 10 April 1997) pergi ke rumah No 82 dan memaklumkan si mati bahawa beliau telah mendapatkan khidmat peguam, dan peguam itu akan berjumpanya pada 16 April 1997.

Pada 16 April 1997 kira-kira jam 9am, D1 pergi menjemput DW2 dari pejabatnya di Melaka Raya, Melaka untuk pergi ke rumah No 82. Apabila sampai di rumah No 82, D2 membuka pintu. Di dalam rumah No 82 pada masa itu, isteri D2, isteri D4 dan D5 sendiri berada di dalam rumah.

D2 bertanya tujuan lawatan D1 dan DW2. D1 menjawab 'Aku hendak berjumpa ayahnya' (I wanted to see his father). Si mati dikatakan nampak kedatangan D1 dan DW2. Si mati suruh D2 beralih dari situ kerana beliau ada sesuatu yang hendak dicakapkan dengan D1 dan DW2. (D2 telah memilih supaya tidak memberi keterangan di mahkamah).

DW2 diperkenalkan kepada si mati, dan si mati cuma mengangguk kepalanya. DW2 kemudiannya bercakap dengan si mati dalam pelat Hokkien. DW2 bertanya sama ada si mati hendak membuat wasiat. Si mati kata 'Ya'. Kemudiannya si mati dikatakan mengambil dua keping kertas (kemudiannya ditanda 'D3A' dan 'D3B') dan serahkan kepada DW2. DW2 membaca kandungan D3A dan D3B dalam pelat Hokkien. Si mati

mengakui yang isi kandungannya betul. Selain daripada perkataan 'Ya' di atas, DW2 tidak mengatakan apa yang dikatakan si mati kepadanya secara 'direct speech'.

D5 boleh ingat satu hari dalam bulan April. Pada hari itu, si mati suruh D5 mandikannya lekas-lekas kerana ada orang hendak berjumpa si mati. Selepas mandi, D5 dengar loceng pintu berbunyi. Sebelum D5 sempat membuka pintu, D5 nampak D2 dan D1 masuk. Mengapa D2 perlu menekan loceng jika beliau boleh masuk sendiri?

Semasa DW2 membaca D3A, si mati dikatakan memperkenalkan pewaris-pewarisnya kepada DW2 dan mengesahkan jumlahnya.

Nama-nama D2, D3 dan D4 tertulis di D3B. Jumlahnya lebih dari 100%. Maka DW2 pun pinda setelah dikatakan dipersetujui si mati 45% kepada 40% (D2), 45% kepada 40% (D3) dan 30% kepada 20% (D4).

Untuk memudahkan fahaman, saya turunkan di sini D3A dan D3B:

D3A

(1)	GAN PUAY CHEE @ GAN CHUAN LIAN IC 1777059 New: 150513-71-5225	.....	IN CASH	.....	RM500,000
(2)	GAN SIEW MUI @ GAN YOOK HWA IC 1288770 New: 43123-04-5076	.....	IN CASH	.....	RM500,000
(3)	ONG SIEW LAY@ GAN GEOK MUA IC 0899866 New: 471027-04-5112	.....	IN CASH	.....	RM50,000
(4)	TEY GEOK KEE IC 4554665 New:	.....	IN CASH	.....	RM50,000
(5)	LIM LAI HUAT IC 1768122 New: 420203-04-5286	.....	IN CASH	.....	RM50,000
(6)	GAN KIM TIONG	.....	IN CASH	.....	RM50,000
(7)	LEE KIM TENG @ LEE CHIN CHONG IC 2501529	.....	IN CASH	.....	RM50,000

D3B

(1)	GAN KIM TOON IC 1777096 New: 390327-04-5187	40%

(2) GAN KIM GUAN 40%
IC 2286100
New: 450701-04-5059

(3) GAN YAN KHERN 20%
IC 4554664
New: 530918-04-5041

(Address: 82, Jalan Tun Tan Cheng Lock, 75200 Melaka.)

(Gan Kim Toon)
010-6263388

Bundle G, pp 3–4.

Si mati dikatakan meminta D1 menjadi wasi dan pemegang amanah tunggal. Si mati hendakkan wasiatnya siap dengan segera. Maka DW2 bersetuju menyediakannya pada jam 2pm hari itu juga, 16 April 1997.

Pada 16 April 1997, jam 2pm, D1 sampai dahulu. DW2 dan keraninya, DW3, sampai kemudian. Wasiat telah dibacakan kepada si mati dengan pelat (loghat) Hokkien. Si mati dikatakan telah menandatangani wasiat itu oleh DW2 dan DW3 sebagai saksi-saksi. Wasiat itu kemudiannya telah dibawa balik ke pejabat DW2 untuk dimeterai. D1 dikatakan telah diminta oleh si mati untuk mengambil dan menyimpan wasiat itu.

D1 mengambil wasiat itu pada 24 April 1997 setelah membayar yurannya berjumlah RM575. Wasiat itu kemudiannya disimpan oleh D1 di dalam almari besi di rumahnya sehingga wasiat itu dibaca pada 11 Mei 1997.

Pada 8 Mei 1997, D1 beritahu kepada D2 dan D4 bahawa si mati telah membuat wasiat. D2 dan D4 telah diminta oleh D1 untuk memaklumkan kepada adik-beradik mereka tentang tarikh bacaan wasiat itu. Pada 11 Mei 1997, D1 menunggu kedatangan DW2 di hotelnya untuk pergi ke rumah No 82. Pejabat DW2 terletak di Melaka Raya, sementara hotel D1 di Bacang, Melaka.

Pada 11 Mei 1997, apa yang dikatakan di dalam wasiat itu telah dibaca di hadapan keluarga si mati.

Semasa pemeriksaan balas, D1 mengesahkan bahawa beliau telah memperkenalkan peguam kepada si mati, menyimpan wasiat berkenaan dan mengeluarkan apa yang dikatakan wasiat itu. D1 menafikan yang ia mengambil peranan aktif membuat wasiat itu ('I disagree that I took an active part in the making of the will. I do not consider what counsel had listed out as actively involved. I do not know what active part means in making of the will. Whether major or not I'm not sure').

Pada 20 Ogos 1997, D1 membuat afidavit tetapi D1 mengatakan bahawa '… I do not know for what matter and for what purpose.' Apabila diterangkan oleh jurubahasa apa dia afidavit, D1 menjawab bahawa affidavit tidak diterangkan oleh peguamnya kepada D1. Kemudian D1 menjawab bahawa apabila beliau tandatangan afidavit tersebut ia telah diterangkan kepadanya dan D1 seterusnya menyatakan, 'I stand by what I deposed'.

A Apabila disoal sama ada beliau hendak mahkamah mempedulikan (ignore) atau tidak apa yang beliau katakan sebelum ini di mahkamah, D1 menjawab bahawa beliau hendak 'ignore' apa yang dikatakan di mahkamah sebelum ini, dan menerima pakai (adopt) apa yang ada dalam afidavit.

D1 adalah sahabat karib D2, dan ini diketahui si mati. Tetapi D1 tidak
B mengetahui latar belakang si mati iaitu tentang adik beradiknya, keluarganya dan bila si mati pergi ke seberang laut. Tentang kesihatan ataupun penyakit si mati, D1 cuma mengetahui sedikit sebanyak saja.

Pada 10 April 1997, D1 berkata bahawa beliau berada di hospital dari jam 8am hingga 9am. D4 ada bersama si mati. Si mati meminta D4 keluar dari bilik untuk membolehkan si mati bercakap dengan D1. Dalam masa
C itu, dikatakan tiada sesiapapun masuk. Si mati kemudiannya memberi kepada D1 salinan foto kad pengenalannya. Salinan kad pengenalan ini diambil dari beg duitnya (wallet). Beg duit ini ada di dalam laci yang dibuka si mati sendiri. Si mati sedang duduk. Apabila ditanya selanjutnya, D1 berkata si mati duduk di tepi katil dengan kakinya terjuntai. Si mati boleh
D menggerakkan kedua-dua tangannya. D4 pula mengatakan bahawa 'one side of the rail was pulled up and the other side was not. I don't remember which one was pulled up'.

Mengikut rekod hospital, si mati telah diberi 'saline drip' pada 10 April 1997 jam 3am dan pada jam 8.30am si mati telah diberi 'blood transfusion'. Apabila dicabar bahawa D1 tidak berkata apa-apa tentang 'blood
E transfusion' dan tiada orang masuk ke dalam bilik si mati di hospital, D1 menjawab apabila beliau masuk, prosesnya telahpun siap.

Pada hari itu, 10 April 1997, si mati dikatakan 'lemah (weak) … (frail) dan anaemic.' Dan di dalam ikatan B, ms 100 perenggan C, D1 tidak mengatakan bahawa beliau melawat si mati di hospital. D1 juga tidak
F menyebut bahawa si mati telah memberi salinan kad pengenalan kepadanya.

Gan Kim Toon (D2)

Gan Kim Toon (D2) ialah anak tertua si mati. Beliau dan keluarganya
G tinggal bersama si mati. DW7 ialah isteri D2 dan menantu yang dipercayai si mati. Walaupun isterinya telah memberi keterangan D2 telah memilih supaya tidak memberi keterangan bersumpah di mahkamah.

Gan Kim Guan (D3)

H Gan Kim Guan ('D3') ialah anak kedua kepada si mati. la telah menerima pelajaran hingga tingkatan lima di Melbourne, Australia. Sekembalinya dari Australia, ia telah bekerja dengan bapanya (si mati). D3 bekerja di ladang ayahnya di Tangkak, dan kemudiannya di Kebun Renggam, kira-kira 120km dari Bandar Melaka. Dalam tahun 1996 dan 1997 semasa di Kebun Renggam beliau melawat si mati seminggu sekali kerana beliau tidak tinggal
I bersama si mati semenjak 1967.

D3 telah dimaklumkan oleh doktor bahawa ayahnya menghidapi barah 'at a late stage'.

Satu atau dua hari sebelum Tahun Baru Cina 1997, pada waktu malam mengikut D3 beliau telah menolak si mati yang berada di kerusi roda ke pejabatnya di No 82 (No 82 adalah rumah kediaman dan juga pejabat si mati). Si mati kemudiannya menunjukkan sebuah buku tulisan (exercise book) yang mengandungi nama dan nombor kad pengenalan. Si mati kemudiannya beri dua keping kertas. Si mati kemudiannya menyebut nama dan D3 mencari nama itu dari buku tulisan.

Nama-nama dalam D3A telah disebut satu persatu dan apabila disebut dalam loghat Hokkien, D3 menulis dengan jumlah tunai. Tetapi tulisan 'to be converted to cash' bukan tulisannya tetapi tulisan DW2.

D3B juga ditulis oleh D2. Ketiga-tiga nama dengan nombor kad pengenalan lama ditulis oleh D2. Angka asal 45% ditulis oleh D2. Begitu juga dengan nama kedua, tetapi 40% di nama D2 dan di D3 bukan tulisannya. Nama ketiga juga tulisan D2, tetapi 20% bukan tulisannya.

Di sebelah kanan tulisan 120% dan yang lain-lain tulisan D3, tetapi palang di tulisan itu bukan palangnya. Alamat dan nama Gan Kim Toon di D3B bukan tulisan D3.

Apabila si mati sebut bahagian 45 '… I put the percentage because I thought it was percentage.' Angka selepas namanya dan peratus telah ditulis oleh D3.

Setelah menulis kedua-dua D3A dan D3B, serta buku tulisan telah dikatakan dikembalikan kepada si mati.

Mengikut D3 si mati tidak menerangkan mengapa beliau diminta menulis D3A dan D3B. Beliau juga tidak mengatakan kepada sesiapa berkenaan D3A dan D3B. Dan beliau juga tidak ketahui apa yang telah berlaku kepada buku tulisan dan salinan asal D3A dan D3B. Salinan yang ada di mahkamah adalah salinan fotostat.

D3 juga menerangkan bahawa pada masa menulis D3A dan D3B, si mati '… had no difficulty telling me what to do.' Semasa di hospital dalam bulan Februari, Mac dan April 1997, D3 melawatnya dua atau tiga kali sehari. Si mati kenal D3. Si mati akan bertanyakan tentang tuaian kelapa sawit dan pekerja-pekerja di ladang getah.

Di dalam pemeriksaan balas, D3 mengatakan bahawa beliau ada maklumkan kepada peguamnya yang beliau telah menulis D3A dan D3B. Tetapi di dalam ikatan B, ms 262–263, D3 mengaku bahawa beliau tidak mengatakan bahawa beliau menulis D3A dan D3B. D3 juga bersetuju bahawa beliau tidak menyebut yang beliau telah menulis D3A dan D3B di dalam belaannya (ikatan A, ms 98–107).

D3A dan D3B telah dimasukkan oleh DW2 seperti dalam ikatan B, ms 112–116 afidavit DW2 yang bertarikh 20 August 1997, afidavit D3 yang bertarikh 11 September 1997 dan pernyataan belaan bertarikh 10 November 1997.

D3, isterinya serta abangnya (D2) dan adik angkatnya (D4), juga isteri mereka tidak jumpa salinan asal D3A, D3B dan buku tulisan dari laci atau peti besi si mati. Pejabat si mati di No 82 tidak mempunyai pintu yang boleh

dikunci. Si mati juga tidak menerima pelawat dan tidak berjalan jauh (travel). D3 ditanya:

> *Soalan*:'If D3A, D3B and exercise book exists they would have been found either in the drawer or the safe.'
> *Jawapan*:'I do not agree.'
> *Soalan*:'If you do not agree, where are they?'
> *Jawapan*:'I will not be able to answer exactly. My late father may have taken them for photostating or sent the worker to do the photostating or sent the person who looked after him to photostat. I can not explain that as a fact.'

Dari peti besi itu, mereka mendapati berbagai harta peninggalan si mati. Di antaranya ialah saham dari Malayan Banking Bhd dan lain-lain syarikat. Saham-saham ini telah dibungkus, dan di dalam bungkusan itu dikatakan ada tertulis nama penerima. Saham-saham ini berada di dalam sampul surat. Nama penerima tidak tertulis pada sijil saham. D3 menerima 170,000 saham. Sijil-sijil yang tidak ditulis nama penerima itu telah dibawa ke Malacca Securities Sdn Bhd dan di sana syarikat itu telah memindahmilik saham itu kepada D3. Perkara yang sama telah dilakukan ke atas saham-saham yang dikatakan diberi oleh si mati kepada D2 dan D4.

D3 tidak dapat menunjukkan bungkusan dengan namanya di mana saham-saham yang dikatakan diberi kepadanya. Di dalam keterangan di mahkamah, D3 berkata 'I have no proof that the shares were given to us'.

D3 juga telah memindahmilik simpanan tetap (fixed deposit) di bank di Singapura yang berada di bawah namanya dan nama si mati. Simpanan tetap ini masih berada di bank yang sama, di bawah namanya dan isteri D3. Ini dilakukan kerana simpanan tetap itu dikatakan dipegang atas dan/atau (and/or).

Selain daripada ini, si mati juga telah meninggalkan suatu pangsapuri mewah di Singapura, dan sewaan masih lagi dipungut dan disimpan dalam akaun bank di Singapura. Ada juga rumah-rumah di Melaka selain dari ladang-ladang.

Gan Yan Khern (D4)

Gan Yan Khern ('D4') adalah anak angkat si mati. Pelajaran D4 sehingga tingkatan tiga saja. Beliau juga telah menerima pelajaran di dalam bidang elektronik selama satu tahun di Kuala Lumpur.

Sekembalinya ke Melaka, D4 membantu si mati. Beliau diberi gaji RM180 dalam tahun 1973. Kenaikan gaji kadang-kadang tahunan atau tiga tahun sekali. Dalam tahun 1997 gajinya RM480 sebulan.

Apabila D4 berkahwin dalam tahun 1976, beliau dan keluarganya tinggal bersama si mati di No 82. Makan minum dan bayaran persekolahan anak-anak D4 ditanggung si mati. Anak bongsu D4 menjadi kesayangan si mati.

Sebelum Tahun Baru Cina 1997, D4 telah meminta kenaikan gaji dari si mati. Si mati tidak setuju dan meminta D4 lebih bercermat. Jika si mati 'was not happy, he will remain silent. When he is silent, I know that he is not happy' kata D4. D4 mengatakan si mati tidak naik marah (lose his

temper) tetapi akan 'raise his voice slightly and remind me to be more thrifty.' Walaupun si mati menghentak meja, marah dan menolak permohonan kenaikan gaji, D4 berkata beliau tidak berasa dukacita.

Semasa si mati dimasukkan ke hospital dalam tahun 1997, biasanya D4 melawatnya jam 8am. D4 akan berada bersama si mati hingga tengahari apabila kakak iparnya (isteri D2) datang untuk membawa makanan tengahari. D4 akan melawat si mati pada waktu petang, kira-kira jam 5.30pm membawa bersama makan malam. D4 tidak bersama si mati pada waktu malam. Pada waktu malam, si mati dijaga oleh D5.

Dalam bulan April 1997, D4 ingat si mati menyuruh beliau meninggalkan bilik si mati kerana Lee Teck Seng ('D1') telah sampai untuk melawatnya.

D4 juga mengingati si mati di hari 'drip' dan 'blood transfusion'. Semasa itu beliau boleh 'move around'. Si mati pergi ke tandas untuk buang air besar. D4 akan menolong si mati pada masa-masa ini. Apabila hendak buang air besar, D4 akan hantar si mati duduk di kerusi roda dan akan 'take down the blood from the stand, and hook it to the wheelchair and push him to the toilet'. Si mati pun dikatakan boleh menggerakkan tangannya.

Di hospital, mengikut D4, fikiran si mati jelas (mental condition clear) dan si mati boleh mengenali D4 pada setiap kali D4 melawat si mati. Mereka akan bercakap mengenai surat-surat mustahak disimpan dengan baik dan dividen dimasukkan ke dalam bank, kawan-kawan yang melawatnya dan keadaan kedai. Si mati boleh mengenali semua orang yang melawatnya, kata D4.

Berkaitan wasiat, D4 telah diberitahu untuk kali pertama sekembali mereka dari pengkebumian si mati (8 Mei 1997). D4 telah dimaklumkan abang tertuanya — Gan Kim Toon ('D2').

Kunci kepada peti besi yang boleh dibuka dengan kunci dan 'combination', disimpan oleh isteri Gan Kim Toon ('D2'). Dua hari setelah wasiat dibaca, peti besi telah dibuka. Tujuh (7) orang, iaitu adik-beradik lelaki dan isteri mereka, serta P1 telah hadir. Di dalam dua peti besi yang dibuka, dikatakan nampak bungkusan dan sampul surat dengan tulisan Cina. Ada empat atau lima bungkusan dan sampul surat terikat menjadi tiga ikatan. Di setiap bungkusan telah ditulis nama, bilangan saham dan jenis saham ditulis dengan jelas. Di antara bungkusan itu terdapat nama kakak-kakaknya (plaintif-plaintif).

Lee Kim Teng (D5)

Lee Kim Teng ('D5') berumur 60 tahun. Beliau menjadi pengurus Hock Lai Estate yang dimilik si mati. D5 mula-mula dikenalkan kepada si mati dalam tahun 1966. Beliau mula bekerja di Hock Lai Estate dalam tahun 1973. Estet ini terletak di Lendu, Melaka. Gaji bulanannya RM1,080.

D5 menjaga si mati di rumahnya semenjak si mati jatuh pada tahun 1993. Beliau akan naik bas dari Lendu ke Bandar Melaka. Apabila sampai di perhentian bas beliau akan diambil oleh salah seorang anak lelaki si mati. Kadang-kadang ia berjalan kaki dari perhentian bas ke rumah No 82. Salah

A seorang anak lelaki si mati akan menghantarnya ke perhentian bas untuk beliau balik ke Lendu. Kadangkala beliau bermalam di rumah No 82. Ada masanya beliau datang sebelah pagi dan balik sebelah tengahari dan sampai balik jam kira-kira 3pm.

Kerjanya di rumah No 82 ialah memandikan si mati dan membawa si
B mati ke tandas untuk si mati membuang air besar. Selepas ini beliau akan menolak si mati dalam rumah No 82 dan pada jam 3pm, beliau biarkan si mati tidur. Waktu ini, D5 akan balik ke estet. Beliau akan datang balik pada jam 8pm.

Jika D5 bermalam di rumah No 82, beliau akan berada di sana selama
C dua atau tiga hari. Apabila D5 sampai, beliau akan berbual dengan si mati sementara anak lelaki si mati pergi membeli makan malam. Selain dari berbual-bual, si mati juga membaca surat khabar malam. Si mati tidur jam 10pm dan D5 tidur di kerusi sandar di tepi tempat tidur antik si mati.

Si mati bangun pada jam 5.30am. Si mati akan membuat senaman kaki,
D kemudian si mati berjalan dengan menggunakan kandang berjalan (walking cage). Selepas bersenam si mati akan cuci mulut, makan sarapan pagi dan baca akhbar harian Bahasa Cina. Pada jam 8am, D2 atau D4 akan menghantarnya ke perhentian has.

Jika D5 bermalam di rumah No 82, beliau akan sampai pada 1pm. Biasanya, D5 balik ke Lendu pada 3pm dan datang balik 8pm.

E Semasa si mati berada di hospital pada tahun 1997, D5 menjaga si mati setiap malam. Di hospital, D5 menjalankan tugas yang sama. D5 akan bersama si mati di biliknya sehingga ketibaan D4. Semasa D5 ada bersama si mati '… the deceased would speak of the children more or less.' Mengikut D5, dalam masa meminta kenaikan gaji, D4 dan si mati, serta ahli-ahli
F keluarga lain akan keluar bersama untuk makan malam.

D5 nampak si mati diberi 'blood transfusion'. Semasa si mati menerima 'blood transfusion' ini, D5 akan menolak kerusi roda bersama si mati di dalamnya ke tandas, ataupun bersiar-siar dalam bangunan ataupun ke kebun bunga di hospital di sebelah pagi. Uncang darah akan digantung di cangkuk yang sedia ada di kerusi roda.

G Pada waktu tengahari 16 April 1997, D5 meninggalkan si mati dan pergi berjumpa dengan isteri D4 untuk mengambil gaji pendahuluan. Biasanya 'within 15th–17th of the month'. Selepas berbual-bual dengan D4 dan …

H
> On looking, I overheard a conversation and I saw two ladies with the late Gan. I was upstairs when I saw them. The two ladies were seated by the side of the table.

Mengikut wasiat yang sedia ada D5 menerima RM50,000. D5 juga menjadi 'daily companion' si mati. Ini ialah kerana tugasnya dan juga kerana beliau pandai bercakap dengan si mati. Si mati tidak bercakap banyak dengan
I anak-anaknya kerana mereka takut dimarahi. Si mati itu dikatakan 'close and concerned about them'. Keyakinan (trust) si mati kepada D5 cuma untuk menjaganya. Hal-hal lain si mati tidak ceritakan kepada D5.

Plaintif

Plaintif-plaintif adalah mereka yang tidak lagi tinggal dengan si mati. Plaintif pertama tinggal di Australia dengan keluarganya, sementara plaintif kedua telah berkahwin dan tinggal bersama keluarganya di Bandar Melaka.

Lain-lain hal

Di dalam kes di hadapan saya, saya mendapat bahawa autoriti Mahkamah Persekutuan dalam kes *Shanmuganathan, Dr (suing through his lawful Attorney Dr A Puraviappan) v Periasamy s/o Sithambaram Pillai* [1997] 3 AMR 3012 ('kes *Shanmuganathan*') sangat membantu saya dari aspek undang-undang kerana kes *Shanmuganathan* dan kes ini mempunyai persamaan, iaitu kedua-dua mencabar ketulenan wasiat si mati.

Di dalam kes ini, tiada isu yang ditimbulkan tentang mematuhi A 71 atau A 72 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Di dalam kes ini juga, pihak-pihak defendan juga telah bersetuju bahawa cuma dua orang peguam sahaja mengendalikan kes ini. Pada permulaan perbicaraan, En Mani Raju mengendalikan semua aspek perbicaraan, tetapi dalam pertengahan kes, En Robert Lazar mengendalikan isu-isu yang lain dari pakar tulisan dan komputer.

Pada 15 September 1997, suatu perintah persetujuan telah dicapai untuk 'interim preservation of the assets of the estate, including 400,000 Malayan Banking Shares, and for an order that all income of the estate, whether by dividends or rentals, be paid into a stipulated account at the Hong Leong Bank in Melaka' (Bundle A, ms 4–5).

Pada 15 Disember 1997, mahkamah telah membuat keputusan awalan bahawa defendan-defendan bermula dalam kes ini. Dalam kes *Shanmuganathan* di ms 3027, mahkamah yang mulia memutuskan (garis 10):

> At the commencement of the trial, after hearing submissions, the learned judge, ordered the defendant to begin his case first ie to prove the will. This, in our view, was the correct procedure as the defendant, who was relying on the will, had to prove the will.

Pada akhir kes defendan, peguam defendan memohon supaya defendan tidak menutup kesnya. En Robert Lazar berhujah bahawa defendan tidak perlu menutup kesnya. Ini adalah dengan tujuan memanggil pakar tulisan defendan, Puan Ng dari Singapura. Saya setuju dengan hujah Dato' Dass bahawa A 35 k 4(1) KMT mengatasi 'common law rule' berkaitan probate practice. Selanjutnya, oleh kerana defendan memohon supaya mereka mulakan kes dan mahkamah telah bersetuju, maka defendan tidak boleh pada 'akhir' kesnya masih lagi hendak meninggalkan pintu terbuka untuk memasuki sekali lagi.

Di dalam petikan kes *Shanmuganathan* di atas, mahkamah yang mulia itu memutuskan bahawa '… the correct procedure is the defendant, who was relying on the will, had to prove the will'.

Beban bukti

Dalam hujahnya, peguam defendan berhujah bahawa beban mengajukan wasiat (propounding the will) adalah di atas bahu defendan. Beban ini perlu dibuktikan melalui 'testamantory capacity of the testator' (*Udham Singh v Inder Kaur* [1971] 2 MLJ 263, dan keduanya wasi 'executor' perlu membuktikan 'due execution of the will' *R Mahendran & Anor v R Arumuganathan* [1999] 3 SLR 579.

Di ms 3026, garis 35, kes *Shanmuganathan*, Mahkamah Persekutuan memetik keputusan kes *Tyrrell v Painton & Anor* (1894) CA 151 ('kes *Tyrrell*') di mana Lindley LJ merujuk kepada kes *Barry v Butlin* 2 Moo PCC 480:

> The first, that the *onus probandi* lies in every case upon the party propounding a will and he must satisfy the conscience of the Court that the instrument so propounded is the last will of a free and capable testator. The second is, that if a party writes or prepares a will under which he takes a benefit that is a circumstance that ought generally to excite the suspicion of the court and calls upon it to be vigilant and jealous in examining the evidence in support of the instrument in favour of which it ought not to pronounce unless the suspicion is removed and it is judicially satisfied that the paper propounded does express the true will of the deceased.

Beban bukti bertukar dari defendan kepada plaintif seperti diputuskan oleh kes *Tyrrell* dan dipersetujui dalam kes *Shanmuganathan* di mana dilaporkan:

> … it is for those who propound the will to remove such suspicion and to prove affirmatively that the testator knew and approved of the contents of the document, and it is only where this is done that the onus is thrown on those who oppose the will to prove fraud or undue influence, or whatever else they rely on to displace the case made for proving the will.

Standard bukti

Berkaitan 'standard of proof', saya lebih mengikuti keputusan kes *Shanmuganathan* yang memutuskan di ms 3049, garis 45:

> In our view, the suspicious circumstances in which the will had suddenly appeared together with the evidence of Dr Julius Grant has proved beyond reasonable doubt that the will a forgery.

Lihat kes misalnya *Boonsom Boonyanit @ Sunyok Eng v Adorna Properties Sdn Bhd* [1997] 2 MLJ 62 yang memutuskan di ms 74):

> ... allegation of forgery in civil proceedings need only be established on a balance of probabilities.

Saya sedar akan perbezaan di antara kedua-dua keputusan berkaitan standard bukti. Mengikut 'precedent', saya mengikuti standard yang diputuskan di dalam kes *Shanmuganathan*.

Akta Wasiat

Seksyen 3 Akta Wasiat 1959 ('Akta tersebut') mengatakan:

3 Except as hereinafter provided, every person of sound mind, may devise, bequeath or dispose of by his will, executed in a manner hereinafter required, all property which he owns …

Sementara s 5(1) Akta tersebut mengatakan:

5(1) No will shall be valid unless it is in writing and executed in manner hereinafter mentioned.

(2) Every will shall be signed at the foot or end thereof by the testator or by some other person in his presence and by his direction; such signature shall be made or acknowledged by the testator as the signature to his will in the presence of two or more witnesses present at the same time, and such witnesses shall subscribe the will in the presence of the testator, but no form of attestation shall be necessary.

Seksyen 5 Akta tersebut adalah sama dengan s 9 Akta Wasiat 1937 English ('Akta Wasiat'). Di dalam hujahnya, peguam defendan merujuk kepada kes *Re Vere-Wardale (deceased)* [1949] 2 All ER 250 di mana mahkamah di England memutuskan s 9 Akta Wasiat dikenakan 'strict formalities' untuk mencegah pemalsuan (forgery) dan tugas mahkamah adalah untuk menentukan bahawa tiada pemalsuan berlaku. Sementara dalam kes *Brown v Skirrow* [1902] P 3, mahkamah memberi definasi dalam kehadiran (in the presence of) dalam s 9 bermakna 'actual visual presence' dan Gorell Barness H seterusnya mengatakan bahawa Akta Wasiat adalah tepat (precise) dan perlu digunakan (apply) dengan tegas (strict).

Pembuktian wasiat

Di dalam keterangannya di mahkamah, DW2, peguam yang menyediakan wasiat berkenaan, berkata:

My signature was in the presence of the deceased, the first defendant and Miss Chan. Ms Chan was the attesting witness.

Sementara PW3, di dalam pemeriksaan utamanya berkata:

The witness (who will be questioned) was witnessed by the clerk. Teo Meng ('DW2') did not say she witness the execution of the will …

DW2 juga di dalam pemeriksaan balas berkata:

… I do not agree to the suggestion that Chan ('DW3') was a witness to the will. I do not think that I said that it was Mr Ong ('PW3') who asked me … Earlier I could not recall, but now I am sure. I reflected on the issue, and I am sure he did not ask the question.

Berkaitan surat yang bertarikh 18 Julai 1997, ikatan F ms 97, DW2 berkata beliau ingat surat itu. Apabila dicadangkan adanya 'uncertainty', DW2 berkata '… today it is a definite no'.

Soalan: Do you agree, as a lawyer, that this suggests that you were not present when the will was executed?
Jawapan: I agree it was a very important allegation.
Soalan: If it were not true, any normal lawyer would deny it and leave it open.
Jawapan: My lord, at that point of time I court not recall whether such a question was posed to me.

Soalan: Is para 3 your answer that you were not present?
Jawapan: Now I am very sure that there was no such question posed, nor did I answer that I was not present because I was present. It was more the question but upon recollection.

PW3, suami kepada plaintif kedua yang hadir semasa wasiat dibaca, di dalam kenyataannya di mahkamah, berkata bahawa beliau telah bertanya kepada DW2 tentang wasiat itu. DW2 telah berkata bahawa DW2 menyediakan wasiat itu tetapi tidak mengatakan bahawa beliau telah menyaksikan wasiat berkenaan.

Plaintif kedua ('PW9') juga hadir semasa wasiat dibaca, dan di dalam keterangannya di mahkamah beliau berkata:

> Teo Ming ('DW2') did not say she witnessed the will. She said it was witnessed by the clerk.

PW9 mengesahkan bahawa terdapat perbincangan di antara DW2 dan PW3.

Keterangan PW3 dan PW9 berkait dengan apa yang berlaku pada 11 Mei 1997 di antara DW2 dan PW3 tidak dicabar sama sekali oleh pihak defendan. 'Their corroborative evidence stands unchallenged and unrebutted' kata peguam plaintif.

Saya dapati bahawa DW2 sebagai peguam tidak menjawab dengan berterus terang dan jelas soalan yang dikemukakan oleh peguam plaintif walaupun kepada saya, soalan-soalan itu menjadi soalan yang penting kepada kesahihan wasiat yang menjadi isu sama ada ia melanggar kehendak s 5(2) Akta tersebut tentang adanya dua orang saksi kepada wasiat.

Pakar tulis tangan (tandatangan)

Defendan-defendan juga tidak memanggil Pn Ng Gek Kwee, pakar tulis tangan walaupun laporannya telah ditanda sebagai eksh K, tanpa pengakuan isi laporannya. Pn Ng telah memeriksa salinan asal dan pendua tandatangan di apa yang dikatakan wasiat. Defendan tidak hendak memanggil Pn Ng hingga plaintif menutup kesnya. Semasa perbicaraan, saya menyangkakan bahawa defendan-defendan akan memanggil saksi ini tetapi pada saat-saat terakhir mereka berkata mereka tidak diwajibkan memanggil pakar tulis tangan mereka walaupun beban bukti bahawa wasiat itu ditandatangani si mati adalah atas pihak defendan.

Plaintif-plaintif telah memanggil dua orang saksi pakar tulis tangan iaitu Siow Kwan Sia ('PW4') dan Shum Lau ('PW6').

PW4 adalah anak tempatan. Kerjanya adalah sebagai penganalisa bebas dokumen forensik. PW4 telah beberapa kali memberi keterangan di mahkamah sebagai pakar tandatangan dan tulis tangan. Malah, salah seorang peguam defendan pernah menggunakan PW4 dalam kes yang dikendalikan peguam itu.

PW6 seorang pakar tulisan Cina dari Hong Kong. PW6 mempunyai pengalaman lebih kurang 30 tahun dan lebih dari setengah pemeriksaannya adalah dalam tulis tangan Cina.

Serangan defendan ke atas PW4 berkaitan dengan kelulusan kepakarannya. Soalan-soalan defendan ke atas PW4 berasaskan apa yang dipanggil 'critique' oleh Dr Steven Starch. Kritik ini diperolehi defendan dan tidak diberi kepada plaintif. Defendan juga tidak memanggil penulis kritik itu untuk memberi keterangan. Saya setuju dengan hujah peguam plaintif bahawa apa yang dilakukan oleh peguam defendan adalah suatu usaha memasukkan pendapat Dr Steven melalui pemeriksaan balas mereka ke atas PW4. Saya tidak membenarkan soalan-soalan berpandukan kritik tersebut kerana penulisnya tidak dapat disoal balas plaintif untuk menentukan asas kritiknya.

Keterangan pakar tulis tangan merupakan pendapat pakar itu. Di dalam kes *Boonsom Boonyanit @ Sun Yok Eng v Adora Properties Sdn Bhd* [1997] 2 MLJ 62, Mahkamah Rayuan memetik keputusan Hashim Yeop Sani H (pada masa itu) dalam kes *PP v Mohamed Kassim bin Yatim* [1977] 1 MLJ 64 bahawa:

> It is settled law that evidence by a handwriting expert can never be conclusive because it is only opinion evidence.

Saya menyedari hujah peguam defendan bahawa saksi pakar tulis tangan adalah orang yang dibayar oleh pihak yang memanggilnya. Sebaliknya pula kita perlu menghadapi hakikat bahawa pakar tulis tangan adalah orang profesional, dan mereka perlu menyara kehidupan mereka. Di dalam sistem perundangan kita, di mana laporan tulis tangan itu telah dihantar kepada peguam lagi satu pihak, dan pakar ini dikenakan pemeriksaan balas untuk mencabar pendapatnya, maka saya dapati walaupun apa yang dikatakan ada kebenarannya, tetapi terpulang ke mahkamah menimbangkan pendapat pakar tulis tangan berkenaan. Dan seperti yang diputuskan oleh Raja Azlan Shah, Hakim, pada masa itu di dalam kes *Karthiyayani & Anor v Lee Liong Sin & Anor* [1975] 1 MLJ 119 di ms 120; dan dipetik dalam kes *Shanmuganathan* pada ms 3040:

> If a witness is independent, ie if he has no interest in the success or failure of a case and his evidence inspires confidence of the court, such evidence can be acted upon. A witness is normally to be considered independent unless he springs from sources which are likely to be tainted. If there are circumstances tending to affect his impartiality, such circumstances will have to be taken into account and the court will have to come (to) a decision having regard to such circumstances. The court must examine the evidence given by such witness very carefully and scrutinise all the infirmities in that evidence before deciding to act upon it.

Peguam defendan telah mengambil petikan dari buku Sir John Woodroffe, *Syed Amir Ali's Laws of Evidence* (16th Ed), di ms 1464:

> Too much weight should not be given to opinion of handwriting as that science unlike the science of fingerprints is not perfect.

Dari kenyataan-kenyataan di atas, maka adalah nyata bahawa mahkamah tidak perlu menolak keseluruhan keterangan pakar tulis tangan. Yang perlu adalah bagi mahkamah ada apa yang dikatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Syed Abu Bakar bin Ahmad v PP* [1984] 2 MLJ 19:

A

> It is settled principle that while a judge who sits alone is entitled to weigh all the evidence, to put his magnifying glass to determine the probabilities so to speak or form his own opinion or judgment, it would be erroneous for him to form a conclusion on a matter which could only be properly concluded with the aid for expert evidence.

B Malahan dalam kes *Shanmuganathan*, Mahkamah Persekutuan memutuskan di ms 3049, garis 20:

> The learned judge should have considered the reasoning given by the expert and with that assistance arrive at the conclusion. The learned judge is entitled to reject the evidence but not before considering such evidence. The evidence of the expert is admissible and relevant to the fact in issue properly placed
C before the learned judge. The learned judge ought to consider all such evidence that is before him prior to arriving at a finding on the issue.

Pihak defendan juga mencabar kepakaran PW4 dengan mengatakan bahawa tiada keterangan di mahkamah yang PW4 terlibat dalam pemeriksaan dokumen semasa bekerja sebagai ahli kimia selama 13 tahun.
D Saya tidak dapat menerima hujah ini kerana di dalam keterangannya PW4 mengatakan bahawa semasa bekerja di Jabatan Kimia beliau banyak terlibat dalam kerja-kerja polis berkaitan dokumen palsu. Beliau kemudian mendapat latihan di Scotland Yard tentang teknik sains forensik. Semenjak 1987, beliau berkata beliau adalah perunding bebas forensik dan telah membuat analisa 2,000 tandatangan yang disyaki.

E PW6 adalah seorang rakyat Hong Kong. Beliau adalah 'licentiate of the Royal Society of Chemistry'. Selama 20 tahun beliau terlibat dengan pemeriksaan tulis tangan. Beliau juga menerima latihan dalam perkhidmatan dari ketua seksyennya, dan beliau kerap memberi pendapat kedua berkaitan tulis tangan Cina kepada ketua jabatannya, seorang bukan
F keturunan China.

Defendan melihat kepakaran dari kelulusan seseorang selain dari sama ada orang itu menjadi ahli mana-mana badan tertentu dan sama ada beliau pernah merujuk kepada buku-buku yang ditulis oleh pakar-pakar tulisan. Tetapi di dalam kes *The Queen v Silverlock* (1894) 2 QB 766, Lord Russel CJ pada masa itu berkata:

G

> It is true that the witness who is called upon to give evidence founded on a comparison of handwritings must be peritus; he must be skilled in doing so; but we cannot say that he must have become peritus in the way of his business or in any definite way. The question is, is he peritus? Is he skilled? Has he an adequate knowledge? Looking at the matter practically, if a witness is not
H skilled the judge will tell the jury to disregard his evidence. There is no decision which requires that the evidence of a man who is skilled in comparing handwriting, and who has formed a reliable opinion from past experience, should be excluded because his experience has not been gained in the way of his business.

I Di dalam keterangan di mahkamah, PW4 dan PW6 telah membandingkan tulisan tangan si mati semasa si mati sihat dan semasa ia dimasukkan ke Hospital Gleneagles di Singapura. Setelah mengkaji kedua-dua tandatangan si mati, PW4 memutuskan bahawa:

> From the above differences in writing form and quality, I am of the opinion that both the questioned signatures of Gan Puay Chee on the original and duplicate copy of the alleged last will and testament of Gan Puay Chee @ Gan Chuan Lian dated 16 April 1997 are Different authorship from the Specimen signatures.

PW4 juga mengatakan bahawa:

> The author of the questioned signatures had copied the general form of signature of Gan Puay Chee but overlooked the fine details resulting in the above differences.

PW6 seorang pakar tulis tangan Cina, beliau dipanggil plaintif kerana semua tandatangan ditulis dengan tulisan Cina. Di dalam keterangannya, PW6 berkata:

> In document examination — handwriting comparison — it is an advantage if we know the script we analyze … There are basic differences between Chinese and English handwriting. English characters are written characters being written with constant adjustment of the position of the hand rightwards. In Chinese, individual characters are in square. In writing Chinese, you have to finish one character at a time — with hand fixed you finish with one Chinese character and then you move on to write Chinese character in the next square frame.

Peguam plaintif, di dalam hujahnya, memetik buku *Hardless's Disputed Documents Examination and Finger Print Identification* (5th Ed, 1997) di ms 141:

> Experience has shown that the knowledge of the script is desirable for a document examiner when he has to express an opinion as regards the identity or otherwise of the writing in dispute. It is not possible for him to find out the personal traits of the writer if he is not acquainted with the script. Leading authors hence state that it is desirable for an expert to know what the normal forms are. The examiner should know what the writer originally aimed to do in marking the various forms. The examiner can show the individual writing traits, idiosyncrasies, conspicuous and inconspicuous characteristics of writings only if he is acquainted with the script. It is not possible to trace the movement impulses if one is not acquainted with script designs.

Selanjutnya, peguam tersebut memetik penulis *Commentary*, terbitan Forensic Science Society:

> Chinese and the English handwriting:
>
> There is a general rule for writing the Chinese character. With the exception of the tick, all the other basic strokes are written in a descending direction, from left to right, peripheral to the centre. In the regular style, the character is written stroke by stroke and the radicals are not connected. In practice, many people write with the running or cursive style in which the strokes are connected, often with simplification. How the pen movements are executed together with a detailed study of the relative positions of the strokes are connected, often with simplification. How the pen movements are executed together with a detailed study of the relative positions of the strokes reveal the writing habits of the writer and are basic to the examination of the handwriting.

A

> In English cursive writing, the pen is more or less travelling on a circular tract. Pen movements associated with Chinese writing are usually more complicated, and pen emphasis is often introduced, eg at the start and the end of a horizontal stroke and at the turning of an angular stroke. Hence, Chinese characters embody more personal characteristics that are useful for the examination, and a wider range of variation naturally ensues.

B Di dalam keterangannya, PW6 berkata:

> With signature compose 8 lines including dots — 3 to 4 detectable errors are a lot. This is a 2 dimensional comparison the written line, length and width. I also conducted a 3 dimensional comparison an image of the hand moving on top of the written lines in producing these lines. The 3 dimensional comparison was totally different. There is different movement. On that basis the evidence is sufficient for me in giving a confirmative opinion that both the questioned signature were copying forgeries.

C

PW6 telah juga menerangkan bahawa setelah menyimpulkan 'pattern' tandatangan beliau telah mengkaji 'structural line' iaitu 'the physical movement pattern of the fingers, wrist and hand in signing the signature'. D Seterusnya beliau menerangkan erti noktah (dot) dalam tandatangan si mati dan telah menunjukkan (demonstrate) di mahkamah pergerakan jari dan tangan si mati semasa si mati membuat tandatangannya.

Dalam kes ini saya memutuskan bahawa tandatangan si mati di dalam apa yang dikatakan wasiat si mati bukanlah tandatangan si mati. Saya E menerima sebab-sebab yang diberi oleh PW4 dan PW6. Kepada saya cara yang baik bagi menghadapi keterangan dari saksi-saksi pakar ini, adalah mendapatkan seorang saksi pakar yang lain yang dapat memberi pendapat yang menentang dan kegagalan defendan-defendan membawa saksi-saksi pakar mereka membawa padah kepada kes defendan-defendan.

F Setelah mengkaji keterangan semua saksi kesempurnaan fikiran si mati dan wataknya, dan juga keterangan pakar-pakar tulis tangan, saya memutuskan tanpa keraguan munasabah bahawa wasiat Gan Phay Chee @ Gan Chuan Lian bertarikh 16 April 1997 adalah suatu pemalsuan.

'Sound disposing mind'

G lsu selanjutnya ialah sama ada si mati mempunyai 'sound disposing mind'. Akta Wasiat cuma menggunakan 'berfikiran sempurna' (sound mind).

Di dalam kes *Sefton v Hopwood* (1858) I F&F 578 ('kes *Sefton*'), Cresswell H dilaporkan berkata:

H

> It is not sufficient in order to make a will that a man should be able to maintain an ordinary conversation and to answer familiar and easy questions. He must have more mind than suffices for that. He must have what the old lawyers called a disposing mind; he must be able to dispose of his property with understanding and reason. This does not mean that he should make what other people may think is a sensible will or a reasonable will, or a kind will. But he must be able to understand his position, he must be able to appreciate

I

> his property, to form a judgment with respect to the parties whom he choses to benefit after death; and if he has capacity for that, it suffices.

Kes-kes seperti *Banks v Goodfellow* 22 LT 813; *Udham Singh v Indar*

Kaur [1971] 2 MLJ 263; *Brajeshwari Dasi v Rasik Chandra* AIR 1925 Calcutta 739 dan *Padma Priya Debya v Dharma Das* Vol 10 IC 965 memberi nada yang hampir sama seperti kes *Sefton* di atas.

Tidak dipertikaikan bahawa si mati di dalam kes ini mendapati barah di leher (oesophageal cancer) semenjak bulan Februari 1997. Dr Goh Tiong Peng ('DW2') di dalam laporannya bertarikh 27 Ogos 1997 berkata:

> Terminally, he suffered from advanced mid-oesophageal Carcinoma (Long segment lesion of 14–16cm). This was diagnosed at the oesophagoscopy examination on 11 February 1997. Since radical surgery was not possible he was subsequently referred to Singapore Gleneagles Hospital for palliative treatment. On 6 March 1997, a wire-mesh stendt was inserted to help in his swallowing followed by internal irradiation.
>
> His condition deteriorated quite rapidly in the following four to five weeks mainly from the aggressive cancer disease process itself, as well as from blood loss and grossly inadequate intake. This made him weak, frail and anaemic, which necessitated further admissions for blood transfusions which were carried out viz:
>
> | | |
> |---|---|
> | 26/3/97 -28/3/97 | – 3 pints blood |
> | 9/4/97 -10/4/97 | – 2 pints blood |
> | 25/4/97 -27/4/97 | – 3 pints blood |
> | 1/5/97 | – 7 pints blood |
>
> On 1 May 1997 he succumbed to his illness following a massive intra-oesophageal haemorrhage.
>
> Throughout, the deceased was never told the diagnosis of his condition at the request of his family members.

Ada dua faktor yang penting yang dikatakan oleh DW1 di dalam keterangannya di mahkamah. Pertamanya ialah tentang penyakit yang dihadapi si mati, dan sama ada penyakit itu membawa kesan ke atas fikiran si mati dan yang kedua tentang perwatakan si mati.

Dari segi perubatan keadaan si mati kira-kira tiga minggu sebelum kematiannya dirumuskan oleh DW1 sebagai:

> He was admitted on the 8th and discharged on the 11th. He was brought back for the last time on the 25th and died on 1st May. Between the 11th and 25th, I saw him in the house. I cannot recall the date. After he was discharged on the 11th I used to drop in to see him as he was also my friend. It happened once between the 11th and the 25th. It was an unofficial call. His condition deteriorated after his return from Singapore. The deterioration was rapid. Blood loss added to this deterioration. The tumour was bleeding. It was a case of chronic blood loss. In a spate of two weeks, 12 pints of blood were transfused. His weak and frail condition was due to loss of blood. During that period his food intake was poor. His liquid ingestion was also poor. At that time there were three factors bearing on his health, ie, blood loss, inadequate food and nutrition and continuous growth of the tumour. These three operated at the same time.
>
> The loss of blood will also cause loss of proteins in the body. There would also be a loss of the oxygen carrying components of the blood. Blood

transfusion was needed to make the deceased more alert. If the three conditions had been left unattended he would have died from blood loss. He would have gone into unconsciousness. He will first become tired, sleepy and drowsy. Then there would be semi-coma and a coma.

When a person is weak, frail and anaemic like the deceased, there may be times when he cannot make rational judgments. When a patient is suffering from diabetes, advanced cancer and loss of blood, it is possible that such a patient can suffer from impairment of rational thinking. Such a patient can also lapse into confusion. Medically, the condition of such a patient will be unpredictable. There will be ups and downs. This unpredictability can alternate between a period of rational and irrational thinking. The change can happen within a day.

Between 9 April and 1 May, if I were told that the deceased was hallucinating it would not surprise me.

PW7 adalah seorang pakar sakit barah. Di dalam keterangannya, beliau sependapat dengan keterangan DW2 tentang kemerosotan kesihatan si mati pada akhir hayatnya, akibat daripada ubat yang dimakan dan kesan barah dalaman (terminal cancer) kepada si mati.

Adakah fikiran si mati terencat pada 16 April 1997 apabila si mati memberitahu DW2 supaya menyediakan wasiat yang dipertikaikan. Yang nyata ialah pada 16 April 1997, DW1 tidak berjumpa si mati. Di dalam satu kenyataan DW1 berkata:

> Between 9 April and 1 May, if I was told that the deceased was hallucinating it would not surprise me.

PW7, di dalam keterangannya, menyokong pendapat DW2 apabila PW7 berkata:

> Having the condition and deterioration in my expert opinion, we have considered his state of mind and rational thinking and have come to this conclusion: with his blood loss, health and the drugs he was on, there were bound to be times when he did not think rationally. There was bound to be a period of poor rationality.
>
> In my expert opinion, in the weeks before his death there was every likelihood that he may have alternating confusional thinking. This could be described as lucid and non-lucid.

Saya sedari bahawa PW7 tidak secara peribadi memeriksa si mati, tetapi di sini, PW7 cuma bersetuju dengan pendapat DW1, doktor peribadi si mati. DW1 adalah saksi bagi pihak defendan-defendan.

Di dalam kes *Shanmuganathan*, Mahkamah Persekutuan memutuskan di ms 3037 garis 30:

> The evidence of DW1, DW2 and DW3 must be tested against the totality of the evidence and probabilities of the case.

Di sini saya ingin merujuk kepada kes *Battan Singh & Ors v Amirchand & Ors* [1948] AC 161 ('kes *Battan Singh*'). Pewasiat (testator) dalam kes ini adalah seorang yang telah berhijrah ke Fiji. Beliau buta huruf dan tidak berpelajaran. Tetapi beliau tahu menulis namanya dalam Bahasa Inggeris.

Pewasiat tidak mempunyai isteri atau anak, tetapi beliau mempunyai seorang abang di India yang telah meninggal dunia pada tahun 1940 atau 1941. Abangnya ini mempunyai empat orang anak. Telah dibuktikan bahawa pewasiat dalam kes ini berbaik-baik dengan abangnya dan anaknya. Pewasiat telah mendapatkan khidmat suatu firma peguam untuk menyediakan 'testamentary writing' (tulisan perwasiatan). Pewasiat ini menghidapi batuk kering yang teruk dan telah dimasukkan ke dalam hospital di Suva. Pewasiat telah keluar dari hospital dalam bulan Februari dan tinggal di kuil Sikh. Di kuil ini beliau telah menandatangani wasiat pada 25 April 1944. Responden hadir semasa wasiat ini ditandatangani.

Pada 31 Mac 1944, seorang pemuda bernama Hari Charan telah melawat pewasiat. Ini ialah lawatan ketiga Hari Charan dalam tempoh tiga minggu. Pewasiat dikatakan telah memberitahu Hari Charan keinginannya membuat wasiat. Pewasiat telah meminta Hari Charan mendapatkan khidmat peguam untuk membuat wasiat. Pewasiat berkata bahawa beliau hendak membuat wasiat dan menjadikan responden penerima dan tidak akan pedulikan dua wasiatnya yang lebih awal. Pewasiat juga berkata bahawa beliau tidak ada saudara mara di India.

Hari Charan, pada hari yang sama, telah pergi ke peguam Davidson di Fiji, dan memberi Davidson arahan untuk menyediakan wasiat. Davidson kemudian menaip wasiat itu dengan segera di atas permintaan Hari Charan. Pada pagi Isnin, Hari Charan pergi mengambil Davidson untuk berjumpa pewasiat. Davidson berkata beliau bertanya kepada pewasiat dan bacakan wasiat itu dalam Bahasa Hindi, dan kemudian Bahasa Inggeris yang diterjemahkan ke Bahasa Hindi oleh keraninya. Pewasiat dikatakan dengar betul-betul (listened carefully) dan akhirnya pewasiat bersetuju dengan wasiat itu dan beliau tidak hendak mengubah apa-apa.

Pewasiat cuba menandatangani wasiat itu tetapi tangannya menggeletar. Pewasiat kemudian cuba meletakkan cap jarinya, tetapi beliau terlalu lemah lalu Davidson menolongnya. Davidson berpendapat bahawa pewasiat itu kuat sakitnya walaupun berfikiran 'perfectly logical'.

Responden-responden hadir di bilik bersama Davidson dan pewasiat semasa temuduga itu terutama tentang saudara mara pewasiat di India, tetapi Amirchand tidak menyampuk untuk membetulkan pewasiat tidak ada saudara mara di India.

Bantahan keesahan (validity) wasiat bertarikh 3 April 1944 ini berdasarkan: (i) bahawa ia tidak ditandatangan mengikut peruntukan Wills Act 1837; (ii) bahawa Jaimal (pewasiat) tidak, semasa menandatangani wasiat itu berfikiran sempurna (sound mind), peringatan atau kefahaman; (iii) bahawa tandatangan diperolehi dengan pengaruh tidak wajar; dan (iv) bahawa Jaimal tidak mengetahui atau meluluskan isi kandungan wasiat itu.

Di dalam keputusannya, Privy Council memutuskan bahawa:

(1) the principle enunciated in *Parker v Felgate* (8 PD 171) should be applied with the greatest caution and reserve when the testator does not himself give instructions to the solicitor who draws the will, but to a lay intermediary who repeats them to the solicitor. The opportunities for

error in transmission and of misunderstanding and of deception in such a situation are obvious, and the court ought to be strictly satisfied that there is no ground for suspicion, and that the instruction given to the intermediary were unambiguous and clearly understood, faithfully reported by him and rightly apprehended by the solicitor, before making any presumption in favour of validity.

The learned Chief Justice was accordingly not entitled to conclude, as he did, that it was unnecessary to determine what was the condition of Jaimal's memory on the day when the will was executed.

But that is a misunderstanding of the judgment of the learned Chief Justice, who expressly says that he found it unnecessary to inquire into the state of Jaimal's memory on the day when the will was executed. A testator may have a clear apprehension of the meaning of a draft will submitted to him and may approve of it, and yet if he was at that time through infirmity or disease so deficient in memory the he was oblivious of the claims of his relations, and if that forgetfulness was an inducing cause of his choosing strangers to be his legatees, the will is invalid. In *Banks v Good feow* (LR 5 QB 549) '… it is essential to the exercise of such power' that a testator shall understand the nature of the act and its effects; shall understand the extent of the property of which he is disposing; shall be able to comprehend and appreciate the claims to which he ought to give effect; and, with a view to the latter object, that no disorder of the mind shall poison his affections, pervert his sense of right, or prevent the exercise of his natural faculties – that no insane delusion shall influence his will in disposing of his property and bring about a disposal of it which, if the mind had been sound, would not have been made.' In *Harwood v Baker* 3 Moo PC 282, the same principle had been stated, and it was observed that when a testator suffering from a debilitating disease had made a will excluding from his bounty his near relations in favour of his wife, it was necessary to determine whether he was at the time capable of recollecting who those relations were, of understanding their respective claims on his regard and bounty, and of deliberately forming an intelligent purpose of excluding them from any share of his property. In *Sivewright v Sivewright's Trustees* 1920 SC (HL) 63, Lord Haldane, with whom Lord Dunedin and Lord Buckmaster concurred, said, 'The question whether there is such unsoundness of mind as renders it impossible in law to make a testamentary disposition is one of degree. A testator must be able to exercise a rational appreciation of what he is doing. He must understand the nature of his act … . If his act is the outcome of a delusion so irrational that it is not to be taken as that of one having appreciated what he was doing sufficiently to make his action in the particular case that of a mind sane upon the question, the will cannot stand. But in that case, if the testator is not generally insane, the will must be shown to have been the outcome of the special delusion'.

It is relevant to note that he failed to employ the solicitor who had acted for him on previous occasions or even to ask him to send the previous wills or copies of them, for these are precautions which a testator of sound mind who deliberately intended to alter his will and to disinherit his near relations would naturally take. The result was that he obtained the services of a solicitor unacquainted with his family affa.irs and unable to judge whether he had the capacity to make a will with due regard for the

> claims of his nephews for whom he had till the closing days of his life always felt a warm affection.

Di dalam kes di hadapan saya, DW1 mengatakan bahawa si mati, oleh kerana barahnya, mempunyai 'ups and downs and alternates between a period of rational and irrational thinking'. Keadaan ini berubah-ubah. Pada 16 April 1997, apabila si mati dikatakan menandatangani wasiat berkenaan, adakah beliau mempunyai 'sound disposing mind'. Hendaklah diingati bahawa DW2 bukan peguam biasa si mati. Akhirnya, memetik keputusan kes *Battan Singh*:

> The result was that he obtained the services of a solicitor unacquainted with his family affairs and unable to judge whether he had the capacity to make a will …

Di dalam kes saya ini, tiada doktor hadir pada 16 April 1997 untuk memperakui bahawa si mati mempunyai pemikiran sempurna untuk membuat wasiat. DW2 yang berjumpa dengan si mati tidak bertanya tentang kesihatan si mati, terutama sekali apabila diingatkan bahawa apa yang diajukan kepada si mati untuk ditandatangani ditulis dalam Bahasa Inggeris dan si mati tidak tahu baca tulisan dalam Bahasa Inggeris. Kecekapan DW2 menterjemahkan ke loghat yang difahami si mati boleh dipersoalkan.

Si mati mempunyai hubungan mesra dengan plaintif pertama. Pada akhir hayat beliau masih ingatkan DW7 untuk mengambil plaintif pertama di Lapangan Terbang Subang. Saya berpendapat bahawa bukan tujuan si mati untuk mengenepikan plaintif pertama dengan memberinya cuma RM500,000 sahaja kepadanya.

Kalaulah diterima bahawa si mati adalah 'mentally alert' maka saya percaya si mati tidak akan melantik D1 sebagai wasi dan pemegang amanah tunggal apabila diingati tentang nasihatnya kepada plaintif pertama supaya sentiasa mengadakan dua orang wasi dan pemegang amanah.

Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Privy Council dalam kes *Battan Singh* di ms 172, para akhir … the will is the product of a man so enfeebled by disease as to be without sound mind or memory at the time of the execution, and that the disposition of his property under it was the outcome of the delusion … . The will is therefore invalid.'

Rasa syak

Dan di dalam satu lagi kes yang dipetik juga oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Shanmuganathan* iaitu *Indu Bala v Marindra Chandra Bose* AIR 1982 SC 133 menjelaskan 'nature of circumstances that would excite the court's suspicion as':

> A circumstance would be 'suspicious' when it is not normal or is not normally expected in a normal situation or is not expected of a normal person.

Kepada saya, terdapat banyak perkara yang menimbulkan rasa syak (excite the suspicion) mahkamah.

Perwatakan si mati kepada saya penting. Saksi-saksi bersetuju bahawa si mati dikatakan bakhil, peribadi (private) dan tidak mudah mempercayai orang lain. DW1, di dalam keterangannya, berkata bahawa beliau akan merasa hairan jika si mati meminta orang yang beliau tidak pernah mempunyai hubungan untuk menyediakan dokumen penting, iaitu membuat wasiat. D4 juga berkata si mati mempunyai 'set ways of doing things'.

Selain dari keterangan DW1 dan D4, saya juga dapat mendengar keterangan D5 yang mengatakan bahawa si mati amat cermat dengan dokumen-dokumennya. Anak lelaki si mati mendapati bahawa mereka tidak dapat bermesra dengan si mati. Apabila dilihat keseluruhannya, saya dapati bahawa hubungan si mati dengan anak lelakinya D3 dan D4, (D2 enggan memberi keterangan) adalah seperti majikan dan pekerja. Ini dapat dilihat dari keterangan D3 dan D4 di mana si mati bertanya tentang hal-hal ladang dan pendapatannya dari D3 dan D4. Ini berlainan dengan keterangan plaintif pertama yang berbual dengannya dan telah dinasihat oleh si mati supaya adakan dua orang wasi dan pemegang amanah di dalam wasiat. DW7, isteri D2 telah memberi keterangan bahawa pada malam 1 Mei 1997, DW7 telah diingatkan supaya mengambil plaintif pertama di Lapangan Terbang Subang. Inilah kasih ayah kepada anak perempuannya, plaintif pertama.

Pada 10 April 1997, D1 berkata bahawa beliau telah pergi ke hospital di mana si mati dirawat pada jam 8am hingga 9pm. Mengikut rekod hospital, pada jam 8.30am ('P2'), si mati telah diberi 'blood transfusion'. Tetapi D1, dalam keterangannya di mahkamah, berkata apabila beliau sampai di hospital untuk melawat si mati, si mati suruh D4 meninggalkan bilik si mati. Dengan yang demikian, cuma D1 dan si mati sahaja ada di bilik itu. Tiada siapapun masuk, kata D1. Tetapi laporan perubatan P2, menunjukkan bahawa ada jururawat atau doktor yang datang membuat 'blood transfusion' jam 8.30am. D5 ingat pemberian 'blood transfusion' tetapi D1 menafikannya.

Si mati dikatakan memberi D1 salinan fotostat kad pengenalannya. Kad pengenalan ini diambil dari beg duitnya (wallet) yang terletak di dalam laci. Si mati mengambilnya dengan satu tangan. Laci pada masa itu tertutup. Si mati dikatakan dalam keadaan duduk dengan kakinya terjuntai dari tempat tidurnya. Apabila disemukakan dengan pertanyaan bahawa D1 tidak menyebut tentang 'blood transfusion', D1 menjawab 'Not relevant'.

Kepada saya ia adalah ajaib yang seorang yang menjalani 'saline drip' dan 'blood transfusion' boleh duduk dengan kaki terjuntai dan kemudiannya mengambil kad pengenalan dari laci.

Dikatakan juga, pada hari itu, si mati memberi D1 kad pengenalannya untuk membolehkan D1 mendapatkan khidmat peguam untuk menyediakan wasiat. Dalam kes *Venkatachalayengar v BN Thimmajamma* AIR 1959 SC 443 ('kes *Venkatachala*'), mahkamah di India itu memutuskan bahawa salah satu sebab sesuatu wasiat ditolak ialah kerana 'unreliability of the story told by the profounder'.

D5, dalam keterangannya mengatakan bahawa pada 10 April 1997 beliau sampai di bilik si mati jam 9am, dan pada hari itu beliau ada menolak si mati dalam kerusi beroda dengan beg 'blood transfusion' tergantung di kerusi roda. A

Dengan salinan kad pengenalan, D1 pergi berjumpa DW2, peguam biasa D1, tetapi seseorang peguam yang tidak dikenali si mati. Semasa berjumpa DW2, D1 beri kepada DW2 salinan kad pengenalan si mati. Oleh kerana DW2 sibuk, maka DW2 buat temujanji berjumpa si mati di No 82 pada 16 April 1997 di antara jam 9am hingga 9.30am. B

D1 telah membawa DW2 ke rumah No 82. Apabila sampai di rumah si mati, D2 membuka pintu dari luar. D5 berkata beliau dengar loceng berbunyi pada hari itu. Mengapa perlu tekan loceng jika D2 yang tinggal di rumah No 82 boleh masuk dengan kuncinya sendiri? D2 bawa DW2 pergi ke tempat di mana si mati sedang duduk. Mengikut DW2, apabila sampai di tempat di mana si mati duduk, si mati meminta D2 meninggalkan mereka bertiga kerana mereka ada perkara yang hendak dibincang. C

Ini ialah kali kedua si mati, mula-mula anak angkatnya D4 semasa di hospital, dan kemudian anak sendiri, menyuruh anaknya meninggalkan si mati semasa D1 berada bersama si mati walaupun si mati dan D1 adalah cuma kawan. Dalam kejadian pada tengahari 16 April 1997, D5 diberi pilihan untuk duduk bersama atau balik semasa apa yang dikatakan wasiat hendak ditandatangani pada 16 April 1997. Hendaklah diingat bahawa D2 sentiasa tinggal bersama di rumah No 82 bersama si mati dan D2 adalah anak tertua si mati. D5 mengatakan 'He spoke a lot to Gan Kim Toon and Gan Yook Chin'. Si mati yang sayangkan D2 menyuruh D2 meninggalkan si mati supaya cuma tinggal D1 sahaja dengan si mati. D E

DW2 kemudian bercakap dalam loghat Hokkien dengan si mati. Perbualan D1 dengan si mati adalah berkenaan perniagaan ikan D1 dan pasaran saham. Si mati, apabila menjawab berkaitan wasiat, memberi kepada DW2 dua keping kertas bertanda D3A dan D3B. F

Mengikut D3, pada suatu hari sebelum Tahun Baru Cina 1997, si mati menunjukkan kepada D3 sebuah buku tulisan (exercise book) yang mengandungi nama dan kad pengenalan beberapa orang. Si mati dikatakan menyebut nama dan D3 mencari nama yang disebut dari buku tulisan itu. G

Dalam D3A, apabila si mati menyebut nama, dan D3 akan tulis di D3A nama yang tertulis dalam buku itu, maka D3 menulis jumlah tunai kepada nama yang ditulis. Tetapi D3A ini bukan salinan asal. Begitu juga dengan D3B di mana D2 menulis peratus di sebelah nama yang tertera. H

D2 yang mempunyai pelajaran hingga Tingkatan 5 di luar negara tidak tahu bahawa D3A dan D3B adalah untuk wasiat. Pada masa itu, keluarga si mati tertanya-tanya antara satu sama lain sama ada si mati telah membuat wasiat tetapi D3 menafikan yang beliau ketahui D3A dan D3B adalah untuk wasiat.

Kalaulah si mati itu seperti dikatakan defendan-defendan bahawa si mati telah 'maintain his mental functions and his clarity of thought', si mati tidak mungkin membuat kesilapan tentang peratusan (120%) yang hendak I

diberi kepada D2, D3 dan D4. D3 dalam keterangannya mengaku bahawa si mati tidak menyebut peratus dan D3 meletakkan peratus kerana 'I thought it was percentage'.

Si mati juga dikatakan amat cermat dengan dokumen-dokumennya. Tetapi salinan asal D3A dan D3B serta buku tulisan tidak dapat dikesan. Ini, kepada saya, bertentangan dengan watak si mati yang cermat dengan dokumen-dokumennya.

Saya juga mengingatkan diri saya bahawa DW7, isteri kepada D2, memegang kunci kepada laci di mana kunci kepada peti besi di rumah No 82 disimpan. Dalam keterangannya, DW7 mengatakan bahawa si mati tidak pernah suruh orang lain membuka peti besinya (safe). Sebelum si mati menghembuskan nafas terakhirnya, DW7 telah balik ke No 82 kerana dikatakan anak D4 mengantuk. Ini, kepada saya, satu perkara yang menghairankan juga kerana emak kepada anak D4 terus tinggal di hospital dan emak saudara membawa kanak-kanak itu balik ke rumah No 82. DW7 juga kemudiannya menafikan yang beliau berjanji dengan si mati bahawa beliau akan mengambil plaintif pertama di Lapangan Terbang Subang pada 1 Mei 1997. Apabila disoal balas sama ada DW7 ada menerima panggilan telefon plaintif pertama pada 1 Mei 1997, jam 9pm, DW7 kata beliau tidak ingat waktunya.

Perlu diingatkan di sini bahawa pemeriksaan utama DW7 berlaku pada 24 April 1997, sementara pemeriksaan balasnya pada 16 Ogos 99. Ini disebabkan kesihatan DW7.

Lawatan kedua ke rumah No 82 oleh DW2 untuk menandatangani apa yang dikatakan wasiat ialah antara 2.30pm hingga 3.15pm pada 16 April 1997. DW2 pergi bersama DW3, kerani kepada DW2. Pada masa lawatan kedua ini, DW2 ada beberapa orang di rumah No 82. Di antaranya ialah DW7, D5 dan plaintif kedua. Pada hari itu juga, plaintif pertama dikatakan telah bercakap dengan DW7 melalui telefon dari Australia.

Di dalam keterangannya DW7 berkata:

> I did not even speak to my husband Gan Kim Toon. I did not tell him I saw Lee Teck Seng with two strangers in the house. I did not bother to find out who the two strangers were. I did not find out what they were there for from my husband. I did not speak of anything about what allegedly took place on 16 April 1997 to my husband. I live in the same house with my husband.

D5 pula di dalam keterangannya berkata:

> When D1 came to visit him in April 1997, I am able to recall. After his bath and tea, one day in April 1997, the late Gan told me to bathe him quickly, someone was coming to look for him. After bathing him, I heard the bell rang, he told me to open the door quickly. I pushed him to one side of table. Then I opened the door - before I was able to open the door I saw Kim Toon (D2), Teck Seng (D1) walk in. When I saw them walk in, I told the late Gan that Kim Toon came and he told me that I could leave him if I wanted to. I went upstairs to look for Yan Khern's wife to take the money for advanced salary because I telephoned Yan Khern to get the cash ready…

> … On looking, I overheard the conversation and I saw two ladies with the late Gan. I was upstairs when I saw them … There were two ladies, Teck Seng and the late Gan.

Kemudiannya D5 berkata:

> When the front door bell rang, Gan Kim Toon opened the door. It was in the afternoon. I don't know who opened the door, but I saw Kim Toon and Teck Seng coming in.

Dari kenyataan di atas, insiden 16 April 1997 dikatakan berlaku pada waktu tengahari, iaitu waktu wasiat ditandatangani. Isteri D4, Chaw Kok dan D11 tidak mengatakan di dalam afidavit mereka bahawa D5 ada di rumah No 82 pada tengahari 16 April 1997.

DW7 telah ditanya mengenai perbualan telefonnya dengan plaintif pertama. DW7 tidak mengingati waktu plaintif pertama menelefon di rumah No 82 pada 16 April 1997. Plaintif pertama telah membuktikan panggilannya melalui bil telefon yang dikeluarkan di Australia. Telefon 'cordless' berada di bilik DW7, dan DW7 berkata bahawa beliau yang menjawab telefon. Plaintif pertama bertegas bahawa beliau ada telefon di rumah No 82 kerana beliau hendak memaklumkan bahawa beliau tidak berada di rumahnya di Brisbane kerana bercuti di luar daerah dan meninggalkan pesanan pada mesin jawapannya jika ada panggilan yang penting.

Dalam perbualan itu, DW7, mengikut plaintif pertama, telah diberitahu 'the impression Le Bon (DW7) gave me was that my father was very sick'. Panggilan itu dibuat kira-kira jam 7pm waktu Malaysia.

Dari atas, dapat dilihat bahawa telefon 'cordless' berada di bilik DW7. Dan DW7 juga mengatakan bahawa beliau adalah orang pertama menjawab telefon. Penafiannya bahawa DW7 tidak menerima panggilan dari plaintif pertama pada 16 April 1997, jam 7pm susah hendak diterima.

Bagi plaintif pertama pula, susah baginya melupakan tarikh itu kerana beliau kerap telefon ke rumah No 82. Pada tarikh itu, beliau hendak meninggalkan rumahnya di Brisbane, Australia untuk ke tempat lain. Plaintif pertama juga mengambil berat tentang kesihatan ayahnya, si mati. DW5 di dalam keterangannya mengatakan:

> He spoke a lot to Gan Kim Toon and Gan Yook Chin. The rest was afraid of being scolded and dare not speak to him.

Pada 16 April 199 7, plaintif kedua telah pergi ke rumah No 82. Beliau pergi ke sana pada waktu tengahari. Beliau dihantar oleh anaknya Harold Ong ('PW2'). PW2 ingat tarikh itu kerana beliau terpaksa terkocoh-kocoh makan tengahari kerana beliau dikehendaki berada di Mahkamah Sesyen, di Melaka untuk mewakili syarikatnya. Plaintif pertama ada di rumah No 82 dari kira-kira jam 2pm hingga 6pm. PW2 ingat hari itu kerana beliau dikehendaki membayar harga tempat tidur yang dipesannya untuk perkahwinannya dengan Khoo Siew Lian. PW2 dapat membuktikan pembayarannya dengan resit bayaran yang menggunakan kad kredit ('P54').

Plaintif kedua tidak nampak atau lihat D2, DW2 dan DW3 di rumah No 82 semasa dikatakan wasiat ditandatangani si mati.

Orang yang boleh membantu mahkamah dalam kes ini ialah D2, tetapi beliau telah memilih supaya tidak memberi keterangan di mahkamah.

Di dalam hal ini, saya akan menggunakan s 114(g) Akta Keterangan 1950. D2 mempunyai pengetahuan utama pada hari apa yang dikatakan wasiat ditandatangani. Di dalam kes *Munusamy v PP* [1987] 1 MLJ 492, Mahkamah Agong, di bahagian diputuskan (1) memutuskan:

> It is essential to appreciate the scope of section 114(g) of the Evidence Act 1950 lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but a material document by a party in his possession nor for non-production of just any witness but only an important and material witness to the case.

D2 tidak memberi sebab mengapa beliau enggan memberi keterangan di mahkamah walaupun namanya disebut beberapa kali sebagai orang yang berada di rumah No 82 pada pagi 16 April 1997 dan pada tengahari tarikh itu semasa beliau datang bersama D1 ke rumah No 82.

Saya mensyaki tentang perkara-perkara yang berlaku pada 10 April 1997 dan 16 April 1997.

Saya berpendapat bahawa tiada kemungkinan langsung si mati dapat mengambil kad pengenalan dari laci apabila ada 'drip' dan 'blood transfusion' pada 16 April 1997. Saya juga tidak mempercayai keterangan D1 dalam hal ini apabila rekod hospital dan D5 mengatakan pada 10 April 1997, jam 8pm dan 9pm si mati menjalani 'blood transfusion'.

Si mati tidak mungkin melantik D1 sebagai wasi dan pemegang amanah tunggal dalam wasiat apabila diingati bahawa si mati pernah menasihatkan plaintif pertama supaya tidak melantik seorang sahaja wasi dan pemegang amanah.

Si mati yang dikatakan cermat, bukan sahaja dengan wang Ringgitnya tetapi juga dengan dokumen-dokumennya. Hendak diingati peratusan di D3A dan D3B bukan atas arahan si mati. Si mati yang cermat dengan wang Ringgit tidak mungkin membuat kesilapan dengan jumlah peratus yang hendak diberi kepada D2, D3 dan D4. Si mati juga tidak mungkin hilangkan D3A dan D3B kerana kedua-dua dokumen tersebut penting. Dan tidak mungkin si mati menyuruh D1 menyimpan apa yang dikatakan wasiat si mati apabila diingati bahawa perhubungan mereka iaitu si mati dan D1 tidak rapat. Malahan D1 adalah kawan baik D2, dan D1 cuma menghantar pesanan ikan ke rumah No 82.

Saya tidak percaya bahawa D3 tidak mengetahui D3A dan D3B adalah untuk tujuan wasiat. Kalau bukan tujuan itu, mengapa ditulis peratus memandangkan plaintif pertama dan kedua ditetapkan jumlah sebenar?

Saya juga tidak dapat menerima bahawa bungkusan untuk sijil saham telah hilang.

Pada 16 April 1997, D1 dan D2 masuk bersama ke dalam rumah No 82. D2 dikatakan membuka pintu. Sebagai kawan baik tidak mungkin D1 gagal menyatakan kepada kawan baiknya D2 bahawa si mati hendak menandatangani wasiat pada 16 April 1997.

Orang yang terlibat dengan pembuatan wasiat adalah peguam DW2, DW3 dan D1 sendiri. 'Arrangement' ini kepada saya terlalu mudah dalam keadaan kes ini.

Setelah mengambilkira perwatakan si mati, keterangan-keterangan DW1, DW2, DW3, PW4, PW6 dan plaintif-plaintif, saya memutuskan bahawa apa yang dikatakan wasiat si mati adalah tidak sah.

Aset si mati

Dua aset yang dipertikaikan dalam kes ini ialah:

(a) *Saham berjumlah 400,000 dalam Malayan Banking Bhd*

Di dalam hujahnya peguam defendan berkata bahawa saham-saham itu adalah hadiah (gift) si mati kepada D2, D3 dan D4. Defendan berdasarkan pengataan bahawa saham-saham itu adalah hadiah kerana sijil saham dan borang pindahmilik didapati bersama. Saham-saham ini dikatakan dibungkus dan diikat dan nama penerima tertulis di atas kertas bungkusan itu. D3 telah ditanya berkaitan bungkusan ini dan buktinya:

> *Question*:These RM20m worth of shares taken by three brothers and you can't prove it was given by your father.
> *Answer* :The proof was written by my late father. I can't prove it in court today.
> Perenggan 6(3)(l) Pembelaan D2 berbunyi:
>
> (i) Pada 12 Mei 1997, peti simpanan si mati telah dibuka … . Pada masa yang sama, defendan-defendan kedua, ketiga dan keempat juga telah mengambil beberapa sijil-sijil saham yang didaftarkan atas nama masing-masing bersama dengan lain-lain sijil saham dan borang-borang pindahmilik yang ditandatangani oleh si mati berkenaan dengan 400,000 saham-saham Malayan Banking Bhd, yang juga ingin diberikan oleh si mati secara hadiah kepada mereka …

Borang-borang pindahmilik ditandatangan oleh si mati tanpa menamakan penerimanya. Pihak yang mengatakan, perlu membuktikan (ss 103 dan 106 Akta Keterangan 1950). Pembuktiannya kepada saya adalah bungkusan di mana nama penerima dikatakan ditulis. Tetapi bungkusan sebegitu tidak wujud lagi. Malahan, D3 dalam keterangannya, mengatakan 'I have no proof that the shares were given to us'.

Untuk menjadikannya hadiah defendan perlu membuktikan apa yang tersebut dalam kes *Syed Hassan bin Abdullah Aljofri (deceased)* [1953] MLJ 190:

> *Strong v Bird* LR 18 Eq 315 we must regard the matter in the light given us by that decision. It is plain that a mere intention to give, not carried out during the lifetime, will not do, because that would in effect be to allow a man to dispose after his death of his property by a document not testamentary. It is plain also that a mere intention to give is not enough, because you want an

immediate gift. If there is an immediate gift, then the resulting trust for the benefit of the beneficiaries is rebutted.

Di dalam kes *Syed Hassan* ini ada juga dilaporkan kata-kata Jenkins LJ:

> To succeed in this case the plaintiff had to prove that there was on the part of the testatrix a present intention to make an immediate gift to her of the motor-car, and that such intention survived until the date of the death of the testatrix.

Jika hadiah itu bertujuan untuk dimaksudkan selepas kematian si mati, maka tiga syarat perlu dipatuhi. Ini adalah apa yang telah diputuskan oleh kes *Sen v Headley* [1991] 2 All ER 636 di ms 639:

> First, the gift must be made in contemplation, although not necessarily in expectation, of impending death. Secondly, the gift must be made upon the condition that it is to be absolute and perfected only on the donors death, being revocable until that event occurs and ineffective if it does not. Thirdly, there must be a delivery of the subject matter of the gift, or the essential indicia of title thereto, which amounts to parting with dominion and not physical possession over the subject matter of the gift.

Sila lihat juga kepada kes *James Cosnahan v Eleanor Grice* (1862) ER 15,476:

> The burden of proof is necessarily on the donee, as in the first place, so many opportunities, and such strong temptations, present themselves to unscrupulous persons to pretend deathbed donations, that there is always danger of having an entirely fabricated case set up; and, secondly, without any imputation of fraudulent contrivance, it is so easy to mistake the meaning of a person languishing in mortal illness, and by a slight change of words, to convert the expressions of intended benefit into an actual gift of property; and no case of this description ought to prevail, unless it is supported by evidence of the clearest and most unequivocal character [15 Moo PC 223].

Tidak ada penyampaian sijil-sijil berkenaan kepada D2, D3 dan D4. Sijil-sijil berkaitan didapati bersama aset-aset lain si mati. Bungkusan yang dikatakan mengandungi sijil-sijil dibungkus pun tiada. Malahan nama penerima tidak ditulis di sijil pindahmilik.

Fakta kes *Cope v Veene* [1968] 118 CLR 1 berbunyi:

> Prior to his death a testator had executed a memorandum of transfer under the Real Property Act 1900 (NSW) in favour of two daughters for an estate in fee simple in remainder expectant upon his death in respect of a property of which he was then the registered proprietor … The testator died before the transfer was lodged for registration.
>
> Held (1) By the whole Court, that there had been no completed gift of the property to the two daughters in the testators lifetime.
>
> (2) …

Di dalam kes *Chase National Executors And Trustees Corporation v Fry* [1946] Ch 312, mahkamah di England memutuskan bahawa:

> That the intended gift was incomplete and therefore inoperative, that the donor's executors ought not execute confirmatory transfers, and the shares belonged to the donor's residuary estate.

Di dalam kes ini, pemilik saham menandatangani pindahmilik, 'expressed to be by way of gift', kepada anaknya, dan kepada syarikat berdaftar di England. Pemilik menetap di Amerika. Sementara menunggu kebenaran dari kerajaan setelah borang-borang dihantar, pemilik saham telah meninggal dunia sebelum memperoleh kebenaran, dan mahkamah memutuskan seperti di atas. Dalam kes di sini, ada lagi yang perlu dilakukan iaitu menulis nama D2, D3 dan D4 ke atas borang pindahmilik saham-saham Malayan Banking Bhd berkenaan. Ini tidak dilakukan oleh si mati.

Berasaskan nas-nas di atas dan fakta kes ini, saya memutuskan bahawa saham Malayan Banking Bhd berjumlah 400,000 adalah harta pusaka si mati dan menjadi sebahagian daripada aset si mati dan dibahagi kepada anak-anak sah si mati.

(b) Simpanan Tetap di Singapura

Jumlah wang simpanan tetap bersama D3 dan si mati berjumlah RM433,911.14. Pada awalnya, D3 berkata cuma ada SD160,000 sahaja. Setelah dihadapkan dengan laporan interim receiver, D3 mengaku bahawa jumlahnya adalah RM443,911.44. D3 telah menggunakan wang ini untuk membayar perbelanjaan sekolah anaknya, membaiki rumah dan lain-lain. Duit-duit ini telah dipindahkan ke atas namanya dan isterinya, DW7. Beliau berbuat demikian kerana beliau menganggap duit yang di bawah namanya dan si mati miliknya.

Pihak defendan tidak membuat mengenai hujah isu wang simpanan tetap ini.

D3 telah bersetuju di mahkamah semasa memberi keterangan bahawa beliau akan memperoleh dari bank syarat-syarat simpanan tetap, tetapi D3 telah gagal berbuat demikian. Kegagalan D3 menjadi satu anggapan yang menjejaskan D3 sendiri. Dalam kes *Marshal v Crutwell* (1875) Equity Cases LR Vol XX, mahkamah tersebut memutuskan bahawa di mana si isteri dibenarkan mengeluarkan cek adalah suatu kemudahan. Saya tidak percaya kata-kata D3 tanpa melihat syarat-syarat simpanan tetap berkenaan. Semasa memberi keterangan di mahkamah, tiada soalan diajukan di mahkamah tentang pendapatan bulanan D3.

Setelah menimbangkan perkara-perkara di atas, saya mengisytiharkan bahawa:

1 Wasiat si mati, Gan Puay Chee @ Gan Chuan Lian adalah batal dan si mati telah mati tanpa wasiat.

2 Plaintif-plaintif diberi kebenaran untuk membuat permohonan bagi surat kuasa mentadbir.

3 Harta pesaka si mati dibahagi secara sama rata kepada semua waris kadim si mati.

4 Saham-saham Malayan Banking Bhd berjumlah 400,000 semuanya menjadi sebahagian dari estet si mati.

5 Semua simpanan tetap bersama di antara si mati dan Gan Kim Guan menjadi sebahagian dari estet si mati.

6 Tracing dilakukan atas semua harta pesaka si mati.

A

7 Bahawa Andrew Goh Tyau Soon dilantik 'without bound' menjadi pentadbir harta pesaka si mati.

8 Tuntutan balas ditolak dengan kos.

9 Probate Petition No 32–36–97 ditolak dengan kos.

10 Perintah persetujuan bertarikh 15 September 1997 diteruskan sementara menunggu pengambilan alih oleh pentadbir.

B

11 Price Waterhouse terus menjadi penjaga (custodian) harta pesaka seperti 4 Januari 2000 sehingga pentadbir mengambil alih.

12 Pentadbir diberi kuasa dalam menjalankan tugasnya melantik mana-mana profesional membantunya. Kos hendaklah dibayar dari estet si mati.

C

13 Kos kepada plaintif: Kos diberi kepada dua orang peguam dan kos ini hendaklah dibayar oleh defendan, termasuk kos penerima sementara, fee pakar dan kos perjalanan pakar dan plaintif bergantung kepada penaksiran.

Perintah seperti dipohon.

D

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar

E

F

G

H

I